

“MAKA dengan sebab itu, Negara Brunei Darussalam tidak dapat lagi semata-mata bergantung kepada 'ihсан alam' luar negara untuk mendapatkan beras, walaupun kita mampu mengadakan peruntukan untuk itu.” Titah Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-62 Tahun pada 13 Rejab 1429 / 15 Julai 2008.

“DIRIWAYATKAN oleh Abu Hurairah Radiallahu-anhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya : “Apakah tidak takut orang yang mengangkat kepalanya sebelum imam, Allah Subhanahu Wata’ala akan menukarkan kepalanya dengan kepala keldai?” - (Hadis riwayat Muslim).

Kepimpinan penting wujudkan tempat kerja sihat, selamat

JERUDONG, Isnin, 3 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda menekankan bahawa kepimpinan di dalam organisasi memainkan peranan penting dalam mewujudkan tempat kerja

Oleh : Hezlinawati
Haji Abd. Karim

yang sihat dan selamat.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian ketika merasmikan Majlis Pelancaran Simposium Tempat Kerja Sihat Perkhidmatan Awam dan melancarkan Buku 'Panduan Penjualan dan Penyajian Makanan dan Minuman Sihat Di Tempat Kerja', berlangsung di Dewan Persidangan Antarabangsa BRIDEX, Jerudong, di sini.

Setiap Ketua Organisasi sabda DYT, perlu fokus dan memberikan komitmen yang berterusan agar budaya cara hidup sihat dapat dihayati sepenuhnya demi mendukung pencapaian matlamat Wawasan Negara 2035, iaitu 'Kehidupan yang berkualiti dan menjaga ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan'.

“ SETIAP Ketua Organisasi perlu fokus dan memberikan komitmen yang berterusan agar budaya cara hidup sihat dapat dihayati sepenuhnya demi mendukung pencapaian matlamat Wawasan Negara 2035, iaitu 'Kehidupan yang berkualiti dan menjaga ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan'. ”

- Sabda

Ke muka 24



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama-sama Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ismail, Sultan Johor Darul Takzim ketika membaca Surah Yaa Siin di Majlis Membaca Yaa Siin dan Tahliil Sempena 100 Hari Kemangkatan Almarhum Al-Mutawakal Allallah Sultan Iskandar Alhaj ibni Almarhum Sultan Ismail yang berlangsung di Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Baharu, Malaysia. Berangkat sama di majlis itu ialah anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim. (Berita lanjut dan foto dimuatkan di muka 12 dan 13). - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

4,958 warga PA hadapi masalah kegemukan

JERUDONG, Isnin, 3 Mei. - Sejumlah 4,958 warga Perkhidmatan Awam (PA) dari empat buah kementerian, didapati 59.5 peratus menghadapi masalah kegemukan (obesiti), manakala 13 peratus mengalami paras gula yang berlebihan dan 61.3 peratus mempunyai paras kolesterol yang tinggi.

Selain itu, 14.7 peratus yang diperiksa pula didapati adalah perokok iaitu 26.7 peratus di kalangan lelaki dan 2.7 peratus di kalangan perempuan.

Oleh :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

puan.

Status kesihatan mulut juga turut membimbangkan di mana 21 peratus warga Perkhidmatan Awam yang diperiksa mengalami kerosakan gigi dan 43.3 peratus mengalami masalah gusi.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi me-

nyatakan demikian dalam ucapan alu-aluan di Majlis Pelancaran Simposium Tempat Kerja Sihat Perkhidmatan Awam 2010 dan Pelancaran Buku 'Tempat Kerja: Penyajian dan Penjualan Makanan dan Minuman' yang berlangsung di Dewan Persidangan BRIDEX, di sini.

Ke muka 24

DI DALAM

MUKA 4



PELAJAR cemerlang terima anugerah

MUKA 6



MELIBATKAN diri dengan kehidupan anak-anak

Lindungi alam sekitar dengan pendekatan 3E's

Oleh : Siti Zuraiyah Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Mei. - Hari Bumi atau *Earth Day* yang disambut oleh warga dunia pada setiap 22 April mempunyai tujuan dan matlamat untuk menjana warga dunia yang mesra alam dan warga yang peka dan prihatin akan tanggungjawab dan peranan mereka dalam sama-sama memelihara dan melindungi sumber alam sekitar dari apa jua ancaman pencemaran dan kerosakan.

Salah satu matlamat strategik Kementerian Pembangunan bagi mencapai wawasan kehidupan yang berkualiti, pembangunan berdaya tahan dan negara makmur ialah menjana alam sekitar yang bersih, indah dan selamat.

Ke muka 24



Sambutan
Hari
Tenaga
Negara Brunei
Darussalam
24 Mei

23 HARI LAGI

Perancangan proaktif perlu tingkatkan khidmat kaji cuaca

Bismillahir Rahmanir
Rahim
Assalamu'alaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

KITA bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengizinkan kita berkumpul pada pagi ini di Majlis Pelancaran Sambutan Hari Kaji cuaca Sedunia yang jatuh pada 23 Mac.

Untuk tujuan itu saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pengarah Penerbangan Awam selaku Pengerusi Majlis serta Ahli Jawatankuasa atas daya usaha mengadakan sambutan ini dengan ahli-ahli WMO yang lain.

Tema bagi Hari Kaji cuaca Sedunia pada tahun ini ialah *'World Meteorological Organisation - 60 years of service for your safety and well-being'* ataupun 'Pertubuhan Kaji cuaca Sedunia - 60 tahun perkhidmatan untuk keselamatan dan kesejahteraan awda'.

Tema ini mengingatkan kita akan khidmat yang telah disumbangkan oleh Pertubuhan Kaji cuaca Sedunia (WMO) dalam sama-sama membantu penduduk dunia menangani kesan-kesan cuaca. Dengan mengambil kira bahawa bencana alam merupakan ancaman yang sangat serius kepada keselamatan manusia, WMO telah mengadakan sebahagian besar usaha-usahanya pada pembangunan operasi dan keberkesanan sistem-sistem amaran, yang mana telah terbukti menyumbang ke arah penurunan signifikan kehilangan nyawa. Saya difahamkan, WMO juga amat mengambil perhatian berat akan keperluan-keperluan bagi pembangunan dan perkembangan perkhidmatan kebangsaan ahli-ahlinya. Ini termasuklah memastikan setiap ahli-ahlinya, mempunyai akses kepada produk-produk terbarunya dan memastikan setiap ahli berkeupayaan untuk menggunakan keperluan negara masing-masing.

Sehubungan ini, Kementerian Perhubungan, melalui Bahagian Perkhidmatan Kaji cuaca, Jabatan Penerbangan Awam, sememangnya prihatin dan mempunyai komitmen tinggi dalam menyediakan maklumat cuaca dan iklim bagi membantu orang ramai serta pihak-pihak yang berwajib bertindak menangani se-



UCAPAN Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong di Majlis Sambutan Hari Kaji cuaca Sedunia 2010, pada Hari Selasa, 7 Rabiulakhir 1431 Hijriah bersamaan 23 Mac 2010 Masihi, bertempat di Bumbungan Dua Belas, Bandar Seri Begawan.

barang ancaman yang berkaitan dengan cuaca. Sebagai sebuah agensi kaji cuaca kebangsaan, Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Jabatan Penerbangan Awam, akan sentiasa memastikan keselamatan dan kesejahteraan penduduk negara ini dengan memberikan maklumat cuaca dan iklim, sejauh keupayaannya dengan misi Jabatan Perkhidmatan Kaji cuaca ke arah penyaluran maklumat dan kefahaman kaji cuaca untuk kepentingan dan memenuhi keperluan penduduk serta negara ini.

Sebagaimana dinyatakan oleh Pengarah Penerbangan Awam tadi Negara Brunei Darussalam mula menjadi ahli kepada WMO pada 26 November 1984 dan selama hampir 30 tahun dalam keahliannya, banyak usaha gigih Jabatan Penerbangan Awam telah diunkayahkan untuk memajukan perkhidmatan kaji cuaca sebagai agensi kebangsaan yang mendukung keperluan khidmat cuaca negara. Pelbagai projek-projek peningkatan dan perkembangan telah pun dilaksanakan sejajar dengan keperluan dan pembangunan negara.

Saya amat berbesar hati melihat pencapaian Jabatan Penerbangan Awam dalam memperkembangkan Perkhidmatan Kaji cuacanya, di mana sumbangannya terhadap keselamatan dan kesejahteraan

bukan sahaja ditumpukan pada penerbangan malah meliputi bidang yang lebih luas sebanding dengan sebuah perkhidmatan kaji cuaca kebangsaan. Saya juga difahamkan jabatan bukan sahaja bergerak aktif dalam memastikan keterkesanan perkhidmatan di dalam negara malah juga di skop yang lebih luas yakni di arena antarabangsa. Ini dapat dilihat daripada inisiatif Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Jabatan Penerbangan Awam dalam melaksanakan projek-projek yang berteraskan sistem perhubungan global yang meningkatkan kemudahan pertukaran maklumat dan akses kepada data cuaca di seluruh dunia dalam menepati objektif asas WMO dan juga Pertubuhan Penerbangan Antarabangsa (ICAO).

Dengan meningkatnya kualiti penduduk, arus pembangunan fizikal, sosioekonomi, globalisasi dan serantau serta kepepatan teknologi infokomunikasi, saya yakin bahawa cabaran serta peluang yang dihadapi oleh perkhidmatan kaji cuaca negara kita juga semakin meningkat dari aspek aplikasi sains meteorologi kepada pembabitan perkhidmatan kaji cuaca dengan aktiviti seperti pertanian, lautan dan hidrologi dalam memfokuskan misi ke arah kepentingan dan matlamat Negara Brunei Darussalam.

Dalam hal ini, saya menyarankan supaya Jabatan Penerbangan Awam akan terus berusaha menyediakan khidmat-khidmat kaji cuaca yang lebih baik dan efektif dan mengunggulkan aktiviti-aktiviti dan projek-projek peningkatan yang bermatlamat ke arah penyampaian khidmat mutu tinggi dan reliable sejajar dengan salah satu objektif Pelan Strategik Kementerian Perhubungan iaitu mempertingkatkan operasi perkhidmatan.

Dalam memenuhi ekspektasi pengguna yang kian meningkat, Jabatan Penerbangan Awam juga perlu memikirkan perancangan yang proaktif dan hadapan serta berfikir positif dan bersikap daya maju bagi mempertingkatkan lagi penyampaian perkhidmatan kaji cuaca kepada pengguna-pengguna di negara ini. Dalam hal ini, saya sarankan Jabatan Penerbangan Awam, meneroka peluang-peluang yang boleh diraih melalui mekanisme seperti usaha sama dan perkongsian maklumat dan pengalaman dua-hala ataupun berbagai hala seperti dalam perkhidmatan kaji cuaca serantau mahupun antarabangsa yang maju di dalam menyediakan khidmat-khidmat kaji cuaca termasuklah dalam menangani keadaan cuaca ekstrem dan bencana alam yang berskala besar.

Kita semua maklum, untuk menentukan mutu atau kualiti perkhidmatan sebuah agensi itu, ianya amat bergantung kepada sumber tenaga manusia yang mencukupi dan berkeupayaan tinggi. Dalam hal ini, perancangan rapi perlu dilakukan secara strategik bagi memastikan prasarana yang sudah ada digunakan sepenuhnya oleh tenaga manusia secara efisien.

Selain itu, tenaga manusia yang mencukupi juga amat mustahak di dalam menampung keupayaan perkhidmatan. Apatah lagi, seperti yang telah dikatakan oleh Pengarah Penerbangan Awam sebentar tadi, perkhidmatan kaji cuaca pada masa ini semakin meluas meliputi pelbagai bidang dan industri. Oleh yang demikian, Jabatan Penerbangan Awam haruslah membuat langkah-langkah strategik bagi memastikan perkhidmatan kaji cuaca negara kita ini bertindak sebagai sebuah perkhidmatan yang semakin relevan kepada kehendak negara dan kehendak semasa.

Dalam pada itu, penerbangan haruslah juga ditumpukan ke arah mendidik serta mengasuh lebih banyak lagi anak-anak tempatan yang berkelulusan dalam apa jua bidang yang berkaitan dengan kaji cuaca ini agar Perkhidmatan Kaji cuaca berupaya menampung apa jua kehendak semasa dan dapat berdiri sendiri di dalam menghadapi sebarang cabaran.

Bersempena dengan Hari Kaji cuaca Sedunia ini saya difahamkan perkhidmatan kaji cuaca akan memperkenalkan satu produk yang dinamakan 'Colour Coded Severe Weather and Rough Sea Warning System' yang menyediakan kemudahan kepada pengguna-pengguna khususnya orang awam mengenali amaran cuaca mengikut kod warna yang ringkas. Sambil itu juga, saya dimaklumkan bahawa implementasi Sistem Amaran Cuaca Berkod Warna ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan amaran yang disediakan dan dihantar kepada agensi-agensi berwajib dalam menangani sebarang kemungkinan akibat cuaca.

Bahawa sempena Hari Kaji cuaca Sedunia ini, Jabatan Penerbangan Awam dengan kerjasama Persatuan Jurufoto Brunei Darussalam juga akan mengadakan satu peraduan fotografi yang mana bertepatan 'Cuaca dan Kesannya'. Adalah diharapkan dengan mengadakan peraduan ini nanti akan meningkatkan lagi minat orang ramai mengenai cuaca di negara kita.

Untuk mengakhiri ucapan ini, sama-samalah kita berdo'a semoga segala niat dan usaha yang kita kendalikan itu akan mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala serta mendapat hasil yang diijazati. Dengan mendahulukan kalimah *Bismillah Hirrahman Nirrahim* dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala saya sukacita merasmikan pelancaran produk baru 'Colour Coded Severe Weather and Rough Sea Warning System' dan juga diselenggarakan dengan melancarkan peraduan fotografi anjuran bersama Jabatan Penerbangan Awam dengan Persatuan Jurufoto Brunei Darussalam dan merasmikan sambutan Hari Kaji cuaca Sedunia 2010 dengan tema *'World Meteorological Organisation - 60 years of service for your safety and wellbeing'*.



5 MEI 2010 BERSAMAAN 1431 جمادى الأولى 20

MEMPERBAIKI STATUS KESIHATAN WARGA PA

SERAMAI 12,022 warga Perkhidmatan Awam (PA) daripada 11 buah kementerian telah menjalani pemeriksaan di bawah Program Pemeriksaan Kesihatan Menyeluruh dan Promosi Kesihatan Bagi Perkhidmatan Awam bermula pada 3 September 2007 sehingga 31 Mac 2010. Dari jumlah tersebut, seramai 4,958 orang warga Perkhidmatan Awam dari empat buah kementerian didapati 59.5 peratus menghadapi masalah kegemukan (obesiti), 13 peratus mengalami paras gula yang berlebihan dan 61.3 peratus mempunyai paras kolesterol yang tinggi, 14.7 peratus didapati adalah perokok iaitu 26.7 peratus lelaki dan 2.7 peratus wanita. Melihat dapatan kajian ini amatlah membimbangkan dan memerlukan tindakan segera terutama sekali risiko penyakit-penyakit kronik. Jumlah Perkhidmatan Awam yang menjalani pemeriksaan itu hanyalah satu per tiga dari jumlah warga Perkhidmatan Awam seramai lebih 70 ribu orang dari 12 buah kementerian dan 60 ke 70 jabatan kerajaan.

Trend peningkatan obesiti, kurangnya kegiatan fizikal, pemakanan yang tidak seimbang, tabiat merokok dan kolesterol yang tinggi yang kesemua ini merupakan faktor penyumbang kepada risiko penyakit kronik yang boleh dicegah. Begitu juga peningkatan penyakit kronik - penyakit jantung, kanser dan diabetes, di mana menurut statistik Kementerian Kesihatan pada tahun 2008 hampir 50 peratus kematian di Negara Brunei Darussalam berpunca dari tiga jenis penyakit berkenaan.

Apa yang membimbangkan peningkatan penyakit kronik di kalangan penduduk termasuk warga Perkhidmatan Awam sudah pasti akan mengundang beban kepada kerajaan terutama sekali dari segi kos rawatan yang kian meningkat naik. Dalam konteks Perkhidmatan Awam pula, peningkatan penyakit kronik ini merupakan salah satu penyebab utama ketidakhadiran bekerja disebabkan sama ada mendapatkan keperluan atau menjalan rawatan pesakit luar dan dalam hospital atau diberi cuti sakit. Ini secara langsung tentunya juga akan mengurangkan produktiviti harian dan efisiensi dan juga menjejaskan keupayaan serta mutu penyampaian Perkhidmatan Awam kepada orang ramai dan pihak awam. Fenomena sedemikian seharusnya elakkan sama sekali, di mana warga Perkhidmatan Awam itu sendiri memegang tanggungjawab yang amat penting dalam menjaga kesihatan mereka setiap hari dan bukannya sesudah ada program baru 'sibuk dan tekakai-kakai', wal hal mereka boleh berbuat demikian bila-bila waktu.

Perkara ini selaras dengan sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa melancarkan Simposium Tempat Kerja Sihat Perkhidmatan Awam 2010 yang diadakan pada 3 Mei 2010. Antara lain DYTM menekankan: "Warga Perkhidmatan Awam adalah disarankan untuk berganding bahu menani tanggungjawab tersebut dengan mengamalkan gaya hidup sihat dan pengambilan pemakanan yang seimbang, di samping menjauhkan diri daripada tabiat-tabiat yang memudaratkan kesihatan seperti merokok yang terbukti mengancam kesihatan perokok itu sendiri dan orang-orang di sekelilingnya."

Melihat senario itu dan bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 24 Julai 2004 di Majlis Pelancaran Konvensyen Kebangsaan Promosi Kesihatan bahawa 'Kesihatan Adalah Tanggungjawab Semua', Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan berpadu tenaga menganjurkan Simposium Tempat Kerja Sihat Perkhidmatan Awam 2010 sebagai tindakan susulan hasil maklumat program kesihatan 2007. Simposium ini juga penting sebagai langkah berterusan kerajaan ke arah mempromosi kesihatan di kalangan warga Perkhidmatan Awam serta menanamkan kesedaran tentang kepentingan aspek penjagaan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja masing-masing yang seterusnya dapat dilartakan kepada ahli-ahli keluarga dan masyarakat sekeliling.

Dalam hubungan ini, 'environment' tempat kerja juga memainkan peranan yang cukup penting dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan suportif untuk kesihatan dan keselamatan pekerja, wujudnya budaya yang menggalakkan cara kerja dan amalan gaya hidup sihat serta di mana kesihatan dan keselamatan pekerja diberi penekanan dan diserapkan dalam pengurusan harian setiap organisasi yang melibatkan semua peringkat pengurusan dalam organisasi.

Apa pun sebenarnya, setiap kita mempunyai tanggungjawab tanpa memilih di mana kedudukan kita dalam organisasi bagi mewujudkan kesihatan bersama. Cuma apa yang lebih dititikberatkan biarlah kepimpinan dalam organisasi mengambil punggur ke hadapan dalam erti kata 'mengepalai' apa jua program yang menjurus kepada kesihatan dengan memberikan fokus utama dan komitmen yang berterusan agar budaya cara hidup sihat dapat dihayati sepenuhnya demi mendukung pencapaian matlamat Wawasan Negara 2035 iaitu kehidupan berkualiti dan menjana ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Dapatan daripada penganalisan maklumat simposium ini akan membolehkan langkah-langkah yang lebih konkrit diambil segera demi memperbaiki status kesihatan warga Perkhidmatan Awam dalam usaha bersama mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan produktiviti. - **Ketua Bahagian PELITA BRUNEI.**

Sidang Pengarang

Ketua Penyuntingan

Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong,
Haji Jaafar Haji Ibrahim

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Yahya Haji Putra,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejaru,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli,
Nur Hidayati Haji Haris,
Siti Nadieya Haji Rahime

Penyuntingan

Haji Ahat Haji Ismail, Sahari Akim, Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Siti Muslihat Haji Salleh, Aliddin Haji Mokhtal

Penyelaras dan Reka Letak

Samle Haji Jait, Norliah Md. Zain,
Haji Ahmad Haji Salim

Penterjemah

Hajah Musmariyani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdullah

Pereka Letak

Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail, Siti Rahmah Haji Abd.
Hamid, Rosnah Jaludin, Jorrani Haji Zainal, Rudiana Mohd. Salleh,
Md. Alisman Ismail, Muhd. Zaidani Haji Zinin, Mohammad Izzuddin Jeffree

Pemberitaan

Zabaidah Haji Salat,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Siti Zuraihah Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Shari Haji Garib,
Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain,
Aryentty Haji Ariffin,
Nurhidayah Haji Kamis



150 orang hadir Simposium Tempat Kerja Sihat PA

Oleh :
Hezlinawati Haji Abd. Karim, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto :
Masri Osman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

JERUDONG, Isnin, 3 Mei. - Simposium cara hidup sihat dan persekitaran tempat kerja yang sihat dan kondusif, memberi penekanan peranan dan tanggungjawab ketua-ketua jabatan / bahagian dalam mempromosi cara hidup sihat.

Berangkat melancarkan Simposium Tempat Kerja Sihat Perkhidmatan Awam 2010 itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), berlangsung di Dewan Persidangan Antarabangsa BRIDEX, di sini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Dato Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Di majlis itu DYTM berkenan mengurniakan sabda perasmian yang antara lain menekankan setiap ketua organisasi perlu fokus dan memberikan komitmen yang berterusan agar budaya cara hidup sihat dapat dihayati sepenuhnya demi mendukung pencapaian matlamat Wawasan Negara 2035.

Majlis juga diselajurkan dengan pelancaran buku 'Panduan Penjualan dan Penyajian Makanan dan Minuman Sihat di Tempat Kerja', disempurnakan oleh DYTM.

Seorang penceramah dari Lembaga Promosi Kesihatan Singapura, Dr. Koh Yang Huang diundang memberikan ucapan di majlis itu yang antara lain mengongsikan pengalaman Singapura dalam mempromosi kesihatan di tempat kerja.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Dato Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid.

DYTM seterusnya dijunjung berangkat menyaksikan pameran Simposium Tempat Kerja Sihat Perkhidmatan Awam 2010 yang antara lain memaparkan penjelasan teknik pengendalian diri untuk menangani stres, pemakanan sihat di tempat kerja dan penjelasan mengenai kesihatan mental dan stres.

Simposium anjuran bersama JPM dan Kementerian Kesihatan itu diadakan-hingga 5 Mei, dihadiri oleh 150 peserta terdiri dari pengarah-pengarah, penolong-penolong pengarah, ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan kerajaan.

Ianya akan menekankan kepentingan mempraktikkan cara hidup sihat dan mempromosi kesihatan di tempat kerja sebagai salah satu pendekatan bagi membanteras faktor-faktor risiko bagi penyakit kronik, khususnya menyasarkan warga perkhidmatan awam.

Dengan tema 'Kesihatan Adalah Tanggungjawab / Urusan Semua' simposium merupakan inisiatif yang lahir dari Program Pemeriksaan Kesihatan Menyeluruh dan Promosi Kesihatan Bagi Warga Perkhidmatan Awam yang bermula sejak tahun 2007 lagi.

Setakat 31 Mac 2010, program berkenaan telah berjaya memeriksa seramai 12,022 warga Perkhidmatan Awam di mana hasil kajian awal menunjukkan beberapa dapatan yang amat membimbangkan di kalangan golongan tersebut, terutama sekali faktor-faktor risiko bagi penyakit-penyakit kronik seperti berat badan berlebihan, paras kolesterol berlebihan dan seumpamanya.

Tempat kerja merupakan suatu latar belakang atau persekitaran yang telah dikenal pasti oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai satu pendekatan penting dalam mempromosi kesihatan, lebih-lebih lagi kepada warga Perkhidmatan Awam, di mana ianya lebih berdaya tahan dalam jangka masa panjang.



1. DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Tertinggi Simposium Tempat Kerja Sihat Perkhidmatan Awam 2010.
2. DULI Yang Teramat Mulia semasa disembahkan penerangan mengenai sebuah bahan pameran.
3. DYTM semasa mengurniakan sabda di Simposium Tempat Kerja Sihat Perkhidmatan Awam 2010.
4. DYTM meneliti buku 'Panduan Penjualan dan Penyajian Makanan dan Minuman Sihat di Tempat Kerja' sejourus melancarkan-nya.
5. DYTM disembahkan penerangan mengenai sebuah bahan pameran oleh seorang pegawai.

Pelajar cemerlang terima anugerah



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Rahman ketika menyampaikan Anugerah Pencapaian Tertinggi dalam mata pelajaran Hafaz Al-Qur'an di Peperiksaan Peringkat 'O' kepada Awang Muhammad Hidayatullah Sunazul Fikar bin Suip pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkihah (kiri) dan kepada Supatra Lee dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah penerima Anugerah Top Ten in The World dan Top in Brunei bagi subjek Biology, di samping Anugerah Top in Brunei bagi Chemistry, Physics, Mathematics dan Thinking Skills (kanan). - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 April. - Seramai 74 pelajar cemerlang dalam Peperiksaan Brunei - Cambridge GCE Peringkat 'O', 'AS' dan 'A' Oktober dan November 2009 telah menerima anugerah di majlis yang berlangsung di Pusat Perundangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Majlis Anugerah Pencapaian Cemerlang Brunei - Cambridge GCE Peringkat 'O', 'AS' dan 'A' yang dikendalikan oleh Jabatan Peperiksaan,

Kementerian Pendidikan dengan kerjasama *University of Cambridge International Examinations* (CIE) disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Rahman.

Dari jumlah tersebut, 41 pelajar adalah Peringkat 'O' termasuk 21 pelajar menerima anugerah sepuluh tertinggi di dunia dalam lima mata

pelajaran iaitu *Matematik Syllabus D* (lapan penerima), Biologi (seorang penerima), *Principles of Accounts* (dua penerima), Physics (seorang penerima) dan Perdagangan (sembilan penerima).

Seorang pelajar dari Sekolah Menengah Chung Hua, Kuala Belait, Teo Siaw Wee telah menerima pencapaian tertinggi di dunia dalam mata pelajaran Perdagangan (*Commercial Studies*) di

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Peringkat Peperiksaan 'O'.

Pada tahun ini seorang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkihah, Awang Muhammad Hidayatullah Sunazul Fikar bin Suip menerima anugerah Pencapaian Tertinggi dalam mata pelajaran Hafaz Al-Qur'an di Peperiksaan Peringkat 'O'.

Manakala bagi Peperiksaan Peringkat 'AS', dua daripada 16 penerima anugerah telah

mencapai kedudukan tertinggi di dunia dalam mata pelajaran Matematik dan dua lagi menerima anugerah sepuluh tertinggi di dunia dalam mata pelajaran Biologi dan Kertas Am.

Sementara itu bagi Peperiksaan Peringkat 'A' pula, seramai tujuh pelajar daripada 17 penerima anugerah telah berjaya mencapai kedudukan sepuluh tertinggi di dunia dalam empat mata pelajaran iaitu Sosiologi (seorang penerima), Psychology (tiga penerima), Biologi (seorang penerima) dan Sejarah (dua penerima).

Bagi mengiktiraf kecemerlangan tersebut, para penerima telah menerima hadiah berupa sebuah piala bersama sijil penghargaan bagi setiap anugerah daripada Kementerian Pendidikan di samping sijil penghargaan dan hadiah daripada *Cambridge International Examinations*.

Jangan pandang ringan keperluan dan ekspektasi 'pelanggan'

Oleh : Siti Zuraiyah
Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Mei. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi menekankan kepada semua pengurus dan kakitangan hospital untuk tidak memandang ringan akan keperluan dan ekspektasi 'pelanggan'.

"Ini tidak berubah sejak bermulanya perkhidmatan perubatan diberikan hinggalah ke hari ini kerana apa yang paling penting bagi orang awam ialah bagaimana mereka diberikan layanan daripada kita," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menekankan perkara tersebut di Majlis Malam Penghargaan Jubli Perak Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) berlangsung di Hotel Centrepoint, Gadong, di sini.

Mengimbas 25 tahun dahulu tambah Yang Berhormat, perubahan itu bukan sahaja nampak dalam dunia perubatan itu sendiri, tetapi juga di kalangan pelanggan kita.

Jelas Yang Berhormat, pelanggan kita sekarang 'more improved' tentang sesuatu penyakit itu dan kaedah rawatan yang terdapat, termasuk ubat-ubat yang boleh digunakan.

"Mereka boleh membanding jika mereka merasakan cara rawatan kita tidak menyembuhkan mereka dari penyakit yang mereka alami, mereka juga kadangkalanya mendesak untuk mendapatkan 'second opinion' tentang penyakit mereka alami dan bagaimana boleh sembuh dan sebagainya," ujar Yang Berhormat.

Ini jelas Yang Berhormat mungkin menyulitkan kerja-kerja pihak hospital dan setentunya memerlukan berbagai kemahiran yang berbentuk 'clinical', tetapi ter-



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi semasa menyampaikan Anugerah Penghargaan Perkhidmatan Cemerlang Jubli Perak Hospital Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha kepada seorang pegawai. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

masuk kemahiran dalam berkomunikasi dengan pesakit dan keluarga mereka, mempunyai sikap bertolak ansur terutama apabila menghadapi pelanggan yang sukar, bersifat sabar, mampu menyelesaikan masalah yang 'non-clinical' dan sebagainya.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, perancangan strategik Kementerian Kesihatan dalam menghadapi cabaran baru dalam dua dekad yang akan datang merangkumi isu-isu iaitu meningkatkan efisiensi sektor kesihatan, memberikan keutamaan kepada pelanggan, meningkatkan kualiti perkhidmatan, perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta pengurangan kadar kematian penyakit-penyakit berjangkit dan bukan berjangkit.

Terdahulu Yang Berhormat berkata, usaha yang berterusan dari semua pihak, bukan sahaja dengan menyediakan prasarana yang serba lengkap dan alat rawatan dan diagnosis yang canggih dan mencukupi di samping adanya kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh semua pegawai dan kakitangan hospital bermula dari doktor, 'Allied Health Professionals', jururawat dan yang lainnya telah menjulang nama hospital dan Negara Brunei Darussalam ke

perhatian beberapa institusi perubatan luar negara hingga timbulnya perhatian beberapa institusi mereka untuk menjalin hubungan kerjasama dengan Hospital RIPAS.

Hospital RIPAS tambah Yang Berhormat telah diakreditasi menjadi fokus bagi institusi-institusi pendidikan di antaranya Institut Perubatan, Universiti Brunei Darussalam; Fakulti Perubatan, Universiti Queensland, Australia; Jabatan Obstetrik dan Ginekologi dan Jabatan Perubatan, United Kingdom bagi tujuan peperiksaan MRCP (UK), RCOG (UK) dan 'teaching hospital'.

Yang Berhormat berkata, dengan usaha gigih dan komitmen semua peringkat warga kerja Hospital RIPAS serta kerjasama dan sokongan dari semua agensi yang lain, perancangan strategik ke arah perkhidmatan yang cemerlang akan terus dilaksanakan dengan jayanya.

Ini bertepatan dengan slogan Hospital RIPAS 'Bersama Memeduli Biskita' yang dicurahkan dengan hasrat untuk mendukung Wawasan Negara 2035 dan Strategi Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam bagi 'Bersama Menuju Ke Arah Warga Sihat'.

Penghargaan sempena Jubli Perak Hospital RIPAS

Oleh : Siti Zuraiyah Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Mei. - Tarikh 25 Ogos 2009 mencatat usia 25 tahun dengan rasminya Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) memberikan perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada masyarakat di negara ini.

Bagi memperingati dan menyambut Sambutan Jubli Perak Hospital RIPAS, Kementerian Kesihatan mengadakan Malam Penghargaan berlangsung di Hotel Centrepoint, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman dan Datin.

Juga hadir, Timbalan Menteri Kesihatan, Yang Dimuliahkan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair.

Ketua Pegawai Eksekutif, Hospital RIPAS, Dayang Hajah Siti Mariam binti Haji Mohd. Jaafar dalam ucapan alu-aluannya berkata, sejak penubuhan Hospital RIPAS, pelbagai strategi dan perancangan telah dilaksanakan dari semasa ke semasa sejajar dengan misi Kementerian Kesihatan dalam mempromosi dan mempertingkatkan tahap perkhidmatan yang berkesan, selamat dan berkualiti.

Di antara strategi yang dilaksanakan tambahnya adalah seperti mengemaskinikan sistem pengurusan dan pentadbiran, mengadakan perkhidmatan kepakaran baru yang diperlukan, meningkatkan infrastruktur mengikut keperluan semasa yang dilengkapi dengan peralatan dan keperluan yang berteknologi tinggi serta mengambil dan melatih tenaga kerja yang berkemahiran tinggi.

Selain itu jelas beliau, fasiliti seperti penyediaan tempat menunggu yang selesa, perkhidmatan kaunter maklumat, perkhidmatan 'porter', perkhidmatan guru agama, pengawal

keselamatan, tempat letak kereta, perpustakaan perubatan, kompleks sukan dan sebagainya juga adalah perlu bagi keutamaan dan pemedulian terhadap pesakit, staf dan pelanggan.

Terdahulu beliau menjelaskan, matlamat utama majlis tersebut ialah untuk memberikan penghargaan kepada warga Hospital RIPAS yang telah berkhidmat 25 tahun dengan cemerlang serta mengenang perkhidmatan jasawan RIPAS terdiri dari bekas pegawai dan kakitangan yang pernah berkhidmat selain dari mengeratkan silaturahmi bagi seluruh lapisan pegawai dan kakitangan hospital tersebut.

Di majlis tersebut, seramai 100 warga Hospital RIPAS yang terpilih menerima Anugerah Penghargaan Perkhidmatan Cemerlang Jubli Perak dan seorang penerima Anugerah Bintang Jubli Perak Hospital RIPAS, disempurnakan oleh Menteri Kesihatan.

Majlis yang dihadiri oleh kira-kira 500 pegawai dan kakitangan Hospital RIPAS itu diserikan dengan pertandingan dan persembahan warga Hospital RIPAS termasuk

pertandingan pakaian tercantik selain cabutan tiket bertuah.

Antara lain, majlis bertujuan bagi memperingati dan mengimbas pencapaian perkhidmatan hospital berkenaan sepanjang 25 tahun selain menghargai jasa bakti dan kecemerlangan perkhidmatan para pegawai dan kakitangan hospital berkenaan.

Di samping itu, ia juga bagi mengeratkan silaturahmi serta mengukuhkan semangat perpaduan yang harmoni di kalangan pegawai dan kakitangan hospital itu dalam penglibatan aktiviti kebajikan, sosial dan sukan selain sebagai pemangkin ke arah mewujudkan budaya berorganisasi menjurus ke arah kecemerlangan perkhidmatan secara berterusan.

Majlis Sambutan Jubli Perak Hospital RIPAS didahului dengan acara Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, tahlil dan doa arwah pada 20 Ogos 2009 lepas bertempat di Kompleks Sukan Hospital RIPAS.

Selain itu acara-acara sampingan bersempena dengan sambutan ini juga turut diadakan antaranya acara basikalton dan sukan ria bertaja.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi ketika hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Malam Penghargaan Sempena Sambutan Jubli Perak Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di Centre Point, Gadong. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Penarikan balik produk gula-gula Fluorescence Lollipop

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 April. - Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam memaklumkan kepada orang ramai mengenai penarikan balik ke atas produk gula-gula *Fluorescence Lollipop*, berat bersih 12 gram, berjenama *Mr. Bunny* kerana dikhuatiri mempunyai bahan kimia yang toksik iaitu *Diethyl Phthalate and Polycyclic Aromatic Hydrocarbons (PAHs)*.

Campuran bagi kedua-dua bahan kimia ini boleh memberikan tindak balas oksidasi yang mengeluarkan cahaya di dalam pemegang plastik gula-gula tersebut.

PAHs adalah bahan kimia yang sangat bahaya yang digunakan dalam industri seperti pencairan cat yang boleh menyebabkan kanser dan mutasi genetik pada manusia.

Walaupun bahan kimia tersebut berada di dalam pemegang gula-gula berkenaan, kanak-kanak boleh memasukkannya ke dalam mulut dan kimia tersebut boleh termakan dengan tidak sengaja.

Produk tersebut dihasilkan oleh Kota Mas Enterprise, negara Malaysia.

Berikutan keluaran siaran surat khabar *Borneo Bulletin* keluaran 1 April 2010 dan juga aduan orang ramai mengenai penemuan gula-gula ini, pihak Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Kesihatan (JPK) telah pun mengarahkan kedai-kedai yang menjual produk tersebut untuk menarik balik produk terbabit dari pasaran dengan serta-merta.

Sebagai langkah berjaga-jaga, Kementerian Kesihatan akan terus memantau bagi memastikan produk terbabit tidak ada di pasaran dan produk tersebut juga dihantar ke makmal untuk dianalisa.

Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan menasihatkan:

- Para pengguna yang memiliki produk terbabit untuk mengembalikannya (jika ada) ke kedai-kedai di mana produk tersebut dibeli atau menyerahkannya ke Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, JPK atau pejabat-pejabat kesihatan di daerah-daerah.

- Para pengimport dan peniaga menarik balik produk terbabit (jika ada) dari pasaran dan menyerahkannya ke Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, JPK atau pejabat-pejabat kesihatan di daerah-daerah untuk dimusnahkan.

Kementerian ini juga memaklumkan seperti mana yang diperuntukkan di bawah Bab 9 ceraian (1) sub-perenggan (i) Akta (Kesihatan Awam) (Makanan), (Penggala 182) sesiapa yang menyediakan, menjual atau mengimport makanan yang boleh memudaratkan kesihatan, tidak sesuai untuk makanan manusia boleh dipenjara selama lima tahun atau suatu denda atau kedua-duanya sekali.

Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut bolehlah menghubungi:

Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan,
Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan,
Kementerian Kesihatan,
Jalan Delima Dua, Berakas BB2313
Nombor telefon : 2331100-5/8/9/10
Nombor faksimile : 2331107
Alamat e-mel: fsqc@moh.gov.bn

PRODUK gula-gula *Fluorescence Lollipop*, berat bersih 12 gram, berjenama *Mr. Bunny* yang dikhuatiri mempunyai bahan kimia yang toksik iaitu *Diethyl Phthalate and Polycyclic Aromatic Hydrocarbons (PAHs)* telah ditarik balik oleh Kementerian Kesihatan.



LTAB dilengkapi dengan perkhidmatan membungkus bagasi

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



PENGURUS Lembaga Pengarah Darussalam Holdings Sendirian Berhad, Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff, selaku tetamu kehormat ketika membuat pemotongan reben di Majlis Pelancaran Perkhidmatan Pembungkusan Bagasi *Wrap and Fly* berlangsung di dewan berlepas, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. - Foto : Azmah Haji Ahad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 April. - Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) kini dilengkapi dengan perkhidmatan membungkus bagasi bagi menjamin keselamatan bagasi para penumpang.

Majlis Pembukaan Rasmi Kaunter Perkhidmatan Pembungkusan Bagasi *Wrap and Fly* ini telah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB), Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail yang berlangsung di ruang berlepas, LTAB, Berakas, di sini.

Pengarah Urusan, DHSB, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya di pembukaan rasmi kaunter perkhidmatan tersebut berkata perkhidmatan membungkus bagasi ini sebenarnya bukanlah satu

perkhidmatan yang baru dikenali, malahan ianya telah pun sekian lama ditawarkan di sebilangan besar lapangan terbang di negara-negara lain.

"Akan tetapi di negara kita Negara Brunei Darussalam, perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan yang julung kali ditawarkan khususnya di LTAB ini," terangnya.

Menurutnya perkhidmatan seumpama ini adalah bagi menyokong hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mempelbagaikan dan menambatkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di LTAB ini khususnya kepada para penggunanya dan juga para pelancong luar yang berkunjung ke negara ini.

Selain dari itu, perkhidmatan ini juga katanya sekali gus akan meningkatkan taraf LTAB dalam

mencapai papaian antarabangsa dari segi keselamatan.

"Sebagaimana yang dimaklumi, kebelakangan ini sering berlaku kejadian-kejadian yang sering mengganggu keselamatan para penumpang termasuk para pelancong yang masuk dan keluar daripada lapangan terbang antarabangsa di seluruh dunia.

Kejadian-kejadian berkenaan adalah seperti kejadian jenayah penyisipan haram atau pengirisan barang-barang terlarang seperti dadah dan sebagainya di luar pengetahuan para penumpang berkenaan," jelasnya.

Salah satu usaha dan inisiatif DHSB untuk sama-sama menjaga keselamatan dan membanteras gejala yang tidak diinginkan ini berlaku di negara ini maka perkhidmatan membungkus bagasi ini katanya, adalah sangat bertepatan dan sangat tepat

"SEBAGAIMANA yang dimaklumi, kebelakangan ini sering berlaku kejadian-kejadian yang sering mengganggu keselamatan para penumpang termasuk para pelancong yang masuk dan keluar daripada lapangan terbang antarabangsa di seluruh dunia. Kejadian-kejadian berkenaan adalah seperti kejadian jenayah penyisipan haram atau pengirisan barang-barang terlarang seperti dadah dan sebagainya di luar pengetahuan para penumpang berkenaan."

- Pengarah Urusan,
Darussalam Holdings Sendirian Berhad,
Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed

pada masanya untuk diketengahkan dan diberikan khususnya kepada para pengguna lapangan terbang ini.

Perkhidmatan ini selain menghindar daripada penyisipan haram atau *illegal insertion*, perkhidmatan ini juga katanya sekali gus sebagai usaha dalam melindungi barangan kepunyaan daripada kecurian atau *pilferage*, kerosakan akibat terkena tumpahan cecair atau *spillage*, kerosakan akibat daripada cuaca *lembab* atau *inclement weather* dan sebagainya.

Antara yang hadir di majlis ini ialah Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Perhubungan, Pengarah Urusan Islam Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) Sendirian Berhad, Pemangku Pengarah DHSB, Pemangku Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, jemputan-jemputan khas dari Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan beberapa syarikat-syarikat penerbangan

yang lain serta agensi-agensinya dan agensi pengendali haji dan umrah serta beberapa pegawai kerajaan dari Jabatan Kemajuan Pelancongan Brunei, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Jabatan Perlancongan Malaysia.

Perkhidmatan pembungkusan bagasi ini bertujuan untuk memberikan sokongan kepada kerajaan negara ini melalui Jabatan Penerbangan Awam dalam mempelbagaikan produk dan perkhidmatan yang diberikan kepada para penumpang di LTAB apabila melancong keluar negeri.

Perkhidmatan tersebut menggunakan filem dan mesin khas untuk membungkus bagasi di mana perkhidmatan tersebut akan dikenakan bayaran perkhidmatan sebanyak BND4 bagi bagasi saiz kecil, BND6 bagi saiz sederhana dan bagi bagasi saiz besar berharga BND8.

Pemeriksaan bilik air awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 April. - Lembaga Pelancongan Brunei (LPB) dengan sokongan Lembaga Bandar Seri Begawan (BSB) serta berbagai agensi-agensi kerajaan telah memimpin satu siri pemeriksaan bagi tandas awam di beberapa lokasi yang biasanya selalu dikunjungi pelancong-pelancong.

Sejumlah 16 ahli jawatankuasa daripada berbagai agensi-agensi kerajaan memeriksa bilik air lelaki dan perempuan di tujuh lokasi berlainan di pusat Bandar Seri Begawan dan Gadong.

Ahli-ahli jawatankuasa ialah Lembaga Bandar Seri Begawan, LPB, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kerja Raya, Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Pejabat Daerah Tutong, Pejabat Daerah Temburong, Jabatan Persekitaran Taman dan Rekreasi dan Radio Televisyen Brunei.

Jawatankuasa juga meneruskan melakukan pemeriksaan di semua daerah-daerah untuk memastikan tahap kebersihan bagi bilik air awam di negara adalah dipelihara untuk kesenangan bagi kedua-dua kunjungan pelawat-pelawat dan penduduk tempatan.

Tempat-tempat yang diperiksa oleh ahli jawa-

tankuasa ialah kawasan BSB iaitu Muzium Brunei, Muzium Teknologi Melayu serta Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dan di kawasan Kiulap iaitu Kiulap Plaza, Hotel Kiulap Plaza dan Seri Q-lap Mall.

Pengarah Kemajuan Pelancongan Brunei, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohamed, bagi pelancongan Brunei berkata ini merupakan permulaan dalam usaha untuk menjaga tandas awam bersih. Ini juga meliputi semua daerah yang lain. Objektif kita ialah untuk menanamkan imej dan reputasi yang baik bagi negara kita.

Jawatankuasa juga akan meneruskan melakukan pemeriksaan di semua daerah-daerah untuk memastikan tahap kebersihan tandas-tandas awam di negara ini dipelihara untuk kesenangan bagi kedua-dua kunjungan pelancong dan penduduk tempatan.

Pelancongan Brunei ialah Jabatan Kemajuan Pelancongan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, dalam kos promosi dan pemasaran antarabangsa Brunei sebagai destinasi pilihan pelancong, bertindak sebagai pelaksana sekretariat dan mandat LPB.

JAWATANKUASA juga meneruskan melakukan pemeriksaan di semua daerah-daerah untuk memastikan tahap kebersihan bagi bilik air awam di negara adalah dipelihara untuk kesenangan bagi kedua-dua kunjungan pelawat-pelawat dan penduduk tempatan.

BRUNEI telah menasaskan untuk mencapai matlamat bebas dadah pada tahun 2015 dengan pelbagai strategi telah digerakkan termasuklah, mendidik, menggerak dan mengekalkan penyertaan masyarakat sivil dalam usaha memerangi masalah dadah di negara ini.

Dengan penglibatan kerajaan bersama masyarakat sivil telah menggerakkan pelbagai aktiviti dan program pencegahan dadah meliputi kanak-kanak di bangku sekolah, remaja di peringkat menengah, di institusi pengajian tinggi, di tempat kerja dan orang awam sedikit sebanyak dapat mengurangkan insiden penggunaan dadah, di samping usaha jitu keluarga dan masyarakat amat diperlukan dan juga badan-badan bukan kerajaan (NGO), maka usaha kita untuk sama-sama membebaskan dadah akan dapat direalisasikan selaras dengan matlamat rantau ASEAN Bebas Dadah Tahun 2015.

Biro Kawalan Narkotik (BKN) menyarankan kepada ibu bapa untuk melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan tentang dadah dalam membuat sebarang langkah pencegahan di rumah.

Berdasarkan jumlah masalah penyalahgunaan dadah di kalangan remaja di negara ini merupakan tulang belakang kepada pembangunan masa kini, semakin membimbangkan dan perlu diberi perhatian yang lebih serius oleh semua pihak. Maka dengan itu langkah-langkah pencegahan adalah penting untuk mengelakkan mereka dari terus menyalahgunakan bahan yang mungkin menyebabkan mereka menjadi penagih dadah dadah suatu hari kelak.

Kerana itu, perlunya agensi kerajaan, NGO dan sukarelawan yang mempunyai pelan tindakan tersendiri bagi menangani isu berkaitan dadah perlu bangun bersama dengan usaha bersepadu bagi memastikan keberkesanan mencapai matlamat negara sifar dadah.

Semoga hasrat negara yang telah menasaskan negara bebas dadah pada tahun 2015 akan berjaya dan ia mesti diusahakan oleh kerjasama semua pihak.

Untuk mencapai matlamat itu, usaha bersepadu amat perlu dan sudah sewajarnya semua pihak perlu membuat penilaian sejauh mana keberkesanan usaha ke arah itu sehingga kini.

PERANAN KELUARGA

Keluarga merupakan institusi yang terpenting dalam mencorakkan tingkah laku, personaliti dan konsep seseorang individu. Kerana itu, pencegahan harus bermula dari rumah dan adalah menjadi peranan ibu bapa menjaga anak-anak mereka dari terjerumus ke masalah dadah. Gabungan keluarga yang ada di satu kawasan akan membentuk komuniti dan bagi komuniti pula, seluruh anggota masyarakat harus pula memastikan tempat tinggal mereka bebas dari dadah. Dalam komuniti terdapat beberapa institusi yang dibentuk menjalankan pelbagai fungsi masyarakat. Peranan sekolah amatlah penting untuk bebas dari pengaruh dadah begitu juga tempat kerja, ia haruslah bebas dari penggunaan dan penyalahgunaan dadah agar dapat mengurus pentadbiran dan menjaga ekonomi dengan baik demi pembangunan negara.

Ibu bapa perlu berusaha ke arah melengkapkan diri dengan pengetahuan tentang dadah, sekurang-kurangnya tahu bagaimana rupa bentuk dadah dan bagaimana dadah memberi kesan buruk kepada pengguna dadah, sentiasa mengikuti perkembangan semasa tentang isu dadah yang berlaku dalam dan luar negeri, ketahui dadah sebenarnya kerana apa yang biskita tidak ketahui tentang dadah kemungkinan akan merosak kehidupan atau membunuh biskita atau anak-anak biskita.

Pada permulaan kehidupan seseorang individu, keluarga merupakan tempat pertama bagi seseorang anak mengenali erti kehidupan dan juga tunggak utama bagi menimba ilmu dan pengalaman hidup. Dalam erti kata yang lain, keluarga memberikan kesan yang besar kepada proses perkembangan seseorang individu.

Dalam hubungan ini, pengaruh keluarga terhadap seseorang individu adalah besar dalam membentuk konsep sendiri dan tingkah laku diri

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

MENJADI ibu bapa kepada remaja belasan tahun mungkin mempunyai tugas yang paling sukar di antara ibu bapa lain kerana zaman remaja adalah satu perjalanan daripada zaman kanak-kanak menuju dewasa. Ia boleh jadi satu peralihan yang sukar bagi remaja itu sendiri dan juga ibu bapa mereka, terutamanya dalam masyarakat di mana orang muda setiap hari berhadapan dengan risiko serius yang berkaitan dengan keganasan, penyalahgunaan dadah, alkohol, merokok dan gagal dalam pelajaran risiko-risiko yang biasanya adalah berkaitan antara satu sama lain.

individu dalam melakukan sesuatu perkara termasuk terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Menjadi ibu bapa kepada remaja belasan tahun mungkin mempunyai tugas yang paling sukar di antara ibu bapa lain kerana zaman remaja adalah satu perjalanan daripada zaman kanak-kanak menuju dewasa. Ia boleh jadi satu peralihan yang sukar bagi remaja itu sendiri dan juga ibu bapa mereka, terutamanya dalam masyarakat di mana orang muda setiap hari berhadapan dengan risiko serius yang berkaitan dengan keganasan, penyalahgunaan dadah, alkohol, merokok dan gagal dalam pelajaran risiko-risiko yang biasanya adalah berkaitan antara satu sama lain. Oleh kerana pelbagai risiko yang dihadapi oleh remaja berkait rapat antara satu sama lain, begitu jugalah dengan jalan penyelesaiannya. Jadinya remaja belasan tahun memerlukan sokongan, panduan dan perhatian daripada ibu bapa mereka seperti mana kanak-kanak.

Ibu bapa juga boleh membentuk

Melibatkan diri dengan kehidupan anak-anak



GALAKAN perlu diberikan kepada kanak-kanak untuk melibatkan diri mereka dalam kerja-kerja sukarela dalam komuniti awda menjadi ahli kumpulan belia atau turut serta dalam aktiviti kesenian atau sukan.

ngan mereka sering bertanya khabar dan mengambil tahu akan masalah mereka.

Berikan anak-anak awda peluang untuk belajar kemahiran-kemahiran tertentu dan mendapatkan keyakinan diri. Berikan pujian selalu di atas tugas-tugas yang mereka selesaikan dengan baik, galakan perkara-perkara positif dan tekankan perkara-perkara yang dilakukan dengan baik oleh anak-anak awda. Jika terdapatnya kecuai, cadangkan cara-cara untuk memperbaiki diri; jangan mengkritik.

Manakala kasih sayang dan rasa hormat akan menggalakkan mereka berkelakuan baik, bukannya ketakutan atau tekanan. Mereka perlu diberikan galakan untuk melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarela dalam komuniti awda menjadi ahli kumpulan belia, atau turut serta dalam aktiviti kesenian atau sukan. Remaja yang mempunyai matlamat jangka panjang dalam pelajaran atau pekerjaan kurang berkemungkinan untuk merosakkan masa hadapan mereka dengan melibatkan diri dalam perkara-perkara yang tidak sihat.

Di samping itu, ibu bapa harus menerangkan kepada mereka bagaimana pelajaran akan membentuk masa depan mereka dengan sebaiknya dan mengapa penting bagi mereka untuk mengambil perhatian serius perkara ini dari sekarang. Dalam bidang persekolahan, ibu bapa sering berkomunikasi dengan sekolah anak-anak semasa mereka di sekolah rendah, hendaklah terus melibatkan diri sehingga sekolah menengah. Beri perhatian kepada kelas-kelas yang diambil oleh anak-anak awda dan kerja rumah yang mereka bawa balik dan jadi ahli persatuan ibu bapa yang ada kaitan dengan sekolah.

Berusahalah lebih sedikit untuk mengetahui di mana anak-anak awda berada pada hujung dan selepas waktu sekolah, memandangkan waktu-waktu

tersebut para remaja yang tidak dikawal mungkin berpeluang untuk terlibat dalam perbuatan-perbuatan kurang sihat. Kita sentiasa beringat, dengan mengetahui di mana anak-anak berada dan sentiasalah menaruh perhatian terhadap anak-anak.

Di samping itu rakan-rakan mempunyai pengaruh yang kuat antara satu sama lain, oleh itu adalah penting bagi ibu bapa untuk mengenali siapa kawan-kawan anak-anak kita dan ibu bapa mereka. Kebanyakan tekanan rakan sebaya adalah positif.

Ke arah ini, galakan anak-anak remaja kita untuk meluangkan masa dengan kawan-kawan yang positif dan sihat. Jemput mereka datang ke rumah dan berbincang dengan mereka secara terbuka.

PRIHATIN

Keprihatinan, pengetahuan dan sikap ibu bapa terhadap penyalahgunaan dadah merupakan antara faktor yang penting yang dapat menghindarkan anak-anak dari gejala tersebut. Tidak kira lelaki atau perempuan dari terjebak dengan dadah. Perhatian ibu bapa di peringkat awal perkembangan kanak-kanak juga peranan yang amat penting kerana ia membantu memupuk hubungan mesra dan saling percaya mempercayai di antara satu sama lain yang mana ini turut memainkan peranan penting sebagai penghalang kepada penglibatan dengan dadah.

Dalam dunia serba moden sekarang ini, tanggungjawab sebagai ibu bapa semakin besar dan berat dalam mendidik anak bagi melahirkan generasi cemerlang pada masa akan datang. Justeru, ibu bapa juga seharusnya menambah ilmu dari semasa ke semasa bagi menangani kerosakan anak-anak remaja yang semakin terkehadapan sekarang ini. Lakukanlah yang wajar terhadap amanah yang diberikan kepada kita semua. Sayangilah mereka.



GAMBAR HIASAN ... Komunikasi dalam sebuah keluarga perlu diberi perhatian sewajarnya. Ini termasuk perhubungan mesra dan kasih sayang.

112 pelajar lulus STUPB menerima sijil

Oleh : Siti Zuraihah Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 April. - Seramai 112 pelajar yang lulus dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Agama Brunei (STUPB) bagi Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) menerima sijil masing-masing dalam satu majlis yang diadakan di Dewan Utama SMALHB, di sini.

Dari jumlah tersebut, tujuh pelajar mendapat *Mumtaz* (Cemerlang), 16 pelajar mendapat *Jayyid Jiddan* (sangat baik), 36 pelajar mendapat *Jayyid* (Baik) dan 53 pelajar mendapat *Maqbul* (Lulus).

Hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Penyampaian STUPB serta hadiah kepada pelajar Tingkatan Enam Atas Sesi 2008 / 2009 kali ke-16 itu Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin serta Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-

Setiausaha-setiausaha Tetap dari Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pemangku Pengetua SMALHB, Dayang Hajah Asmah binti Haji Randah dalam ucapan alu-aluannya berkata, sejak mula penempatan pelajar-pelajar ke sekolah berkenaan tahun 1967 sehingga sekarang, hampir sepuluh ribu pelajar telah menuntut di sekolah tersebut dan perubahan ketara yang dialami adalah dari segi sistem pembelajaran iaitu dari menggunakan bahasa Melayu bagi sebahagian mata pelajaran menjadi bahasa Arab sepenuhnya bagi mata pelajaran agama dan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran umum atau akademik.

Dengan adanya kepelbagaian bidang akademik dan sijil-sijil lulusan yang diperolehi jelasnya, pelajar-pelajar sekolah ini boleh melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang sama ada dalam atau luar negeri.

Tambahnya, perkembangan akademik dan kokurikulum yang dicapai oleh persekolahan Arab juga telah meyakinkan kementerian-kementerian dan penaja-penaja biasiswa kepada lulusan

sekolah ini untuk layak melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri.

Menurutnya, dengan kejayaan dalam pelbagai bidang akademik dan keaktifan dalam ko-kurikulum memudahkan lagi pelajar-pelajar keluaran persekolahan Arab menjawat jawatan yang lebih baik sama ada di sektor kerajaan atau swasta.

Majlis diteruskan dengan panyampaian STUPB dan hadiah pelajar tingkatan enam atas disempurnakan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Acara kemuncak majlis ialah penyampaian hadiah khas kepada empat pelajar yang terpilih berdasarkan dari pencapaian-pencapaian terbaik dan cemerlang dari segi kegiatan dan akademik serta sumbangan yang telah dibuat kepada sekolah berkenaan.

Pelajar Terbaik Kegiatan 2009 diraih oleh Dayang Hajah Siti Nurulhazwani binti Haji Mohd. Yusoff, manakala Pelajar Terbaik Akademik 2009 diberikan kepada Dayang Nur Hafilah binti Haji Mohd. Salleh.

Dayang Nurul Munirah binti Awang Jumat dipilih sebagai Pelajar Mithali (Terbaik Akademik dan Kegiatan) 2009, manakala Penghargaan Khas SMA-LHB diberikan kepada Awang Mohd. Nazerul Wafiq bin Haji Hussein.

Di majlis tersebut, tetamu kehormat juga dibawa menyaksikan galeri SMALHB dan melawat ke pameran sekolah-sekolah Arab yang mempamerkan mengenai perkembangan dan kemajuan serta pencapaian sekolah Arab dari peringkat persediaan atau tahun lima hingga peringkat Tingkatan Enam yang dipamerkan oleh sekolah-sekolah Arab dari seluruh negara.

Majlis antara lain bertujuan bagi melahirkan rasa kegembiraan dan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala terhadap kejayaan yang dicapai oleh para pelajar, di samping sebagai satu pengiktirafan terhadap pencapaian pelajar-pelajar dalam bidang pelajaran dan pembelajaran di sekolah tersebut.

La juga sebagai motivasi kepada para pelajar enam atas khususnya dan pelajar Pra U-1 amnya supaya belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan yang cemerlang dan dapat dibanggakan dalam peperiksaan STUPB.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menyampaikan sijil dan hadiah kepada seorang pelajar di majlis berkenaan. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Anugerah Akademik Cemerlang Pelajar AAC

SERIA. - Seramai 88 pelajar Maktab Anthony Abell (AAC) menerima sijil dan hadiah pelajar cemerlang di Majlis Anugerah Akademik Cemerlang dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMB) dan peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) Peringkat 'O' tahun 2009 di satu majlis yang berlangsung di maktab berkenaan, baru-baru ini.

Sementara itu lapan orang guru telah menerima anugerah guru cemerlang dalam peperiksaan PMB dan GCE 'O' Level yang disampaikan oleh Ketua Pengurus Operasi BLNG, Awang Haji Khamis bin Haji Kassim selaku wakil tetamu kehormat, Pengurus Hal Ehwal Korporat BLNG, Awang Haji Mahri bin Haji Matahir.

Dari jumlah pelajar tersebut lima orang dari mereka yang memperoleh lapan atau lebih kredit dan cemerlang dalam mata pelajaran GCE 'O' Level menerima sijil dan hadiah yang juga disampaikan oleh wakil tetamu kehormat, manakala Pengetua Maktab, Cikgu Rahagi Deli menyampaikan sijil dan hadiah pelajar yang mencapai lapan kredit dan cemerlang dalam mata pelajaran PMB 2009.

Pengetua maktab menyatakan walau pun pencapaian peperiksaan PMB dan GCE 'O' Level tahun lalu menunjukkan sedikit penurunan dari segi peratus purata pencapaian kredit namun pencapaian pelajar dari segi kualiti dalam sesuatu subjek menunjukkan peningkatan dari tahun sebelumnya seperti subjek lukisan dan pelajaran komersial di peringkat PMB.

Manakala bagi peperiksaan GCE 'O' Level pula katanya telah menunjukkan pencapaian yang meningkat di dalam subjek Bahasa Melayu, *Additional Maths*, Fizik,

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah
Pg. Haji Omaralli

Sejarah dan *Principles of account*.

Menurut Kajian 'National Statistic Study on Competency in Mathematics and English' (NSS-CME) ACER yang telah dibuat pada tahun 2008 ke atas sebahagian pelajar-pelajar di beberapa buah sekolah menengah dan rendah di negara ini telah mengenalpasti sedikit sebanyak punca kelemahan sebilangan pelajar di dalam subjek Bahasa Inggeris dan Matematik antaranya kelemahan membaca sebagai contoh pelajar berumur 16 tahun tapi mempunyai tahap kebolehan membaca di peringkat umur sebelas tahun. Ini bermakna pelajar berkenaan telah ketinggalan selama lima tahun dalam pembacaan.

Perkara tersebut membimbangkan dan jika kelemahan tersebut tidak diperbaiki di peringkat awal jelas pengetua ianya akan merugikan pelajar itu sendiri dan juga negara umumnya.

Beliau berharap pelajar-pelajar Menengah Lima yang bakal menduduki peperiksaan GCE 'O' Level dan IGCSE pada

tahun ini dan pelajar Tahun Sembilan pada tahun depan supaya akan meningkatkan pencapaian akademik masing-masing ke arah yang lebih baik lagi dari tahap yang ada dengan mengamalkan budaya membuat persediaan seperti mengulang kaji dari awal lagi dan rajin hadir ke kelas tambahan.

Beliau berkata dengan adanya anugerah seumpama itu akan menjadi dorongan kepada pelajar-pelajar untuk terus maju ke hadapan agar terus memperoleh keputusan yang cemerlang di peperiksaan-peperiksaan di pengajian yang lebih tinggi di masa akan datang.

Sementara itu tetamu kehormat dalam teks ucapannya yang disampaikan oleh wakil beliau menyatakan keputusan yang baik bukan hanya setakat belajar sahaja tanpa menggabungkannya dengan usaha, kerja keras, dedikasi dan antisipasi.

Pencapaian yang mereka perolehi sekarang ini katanya merupakan langkah permulaan dalam era akademik dan akan lebih banyak lagi cabaran menanti mereka di hadapan, manakala bagi guru-guru pula beliau berharap mereka akan lebih dedikasi dan mengekalkan pencapaian di peringkat yang lebih tinggi lagi.

Lahirkan generasi Brunei cinta bahasa Melayu

Oleh :
Wan Mohamad
Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN. - Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) mengadakan Majlis Pelancaran Program Tahun Bahasa 2010 yang berlangsung di Bilik Persidangan sekolah berkenaan baru-baru ini.

Pengarah Perhubungan Antarabangsa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Mataim bin Bakar menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Tahun Bahasa 2010.

Dr. Mataim dalam ucapannya antara lain menjelaskan individu yang menguasai bahasa apalagi lebih dari satu bahasa dengan baik akan mempunyai kelebihan dari segi penguasaan ilmu dan maklumat dan individu tersebut akan lebih berjaya.

Menurutnya, penguasaan bahasa itu adalah cukup penting agar nahunya betul, pemilihan diksinya sesuai dan tepat dengan konteks budaya dan linguistiknya, maknanya tepat dalam mengungkapkan sesuatu konsep, proses dan situasi.

Beliau berharap agar



PENGARAH Perhubungan Antarabangsa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Mataim semasa menyempurnakan pelancaran Program Tahun Bahasa 2010. - Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid.

program itu dapat melahirkan generasi Brunei yang cinta kepada bahasa Melayu tanpa mengabaikan kepentingan bahasa-bahasa lain terutama bahasa Inggeris.

Di samping itu, beliau berseru kepada semua akan sama-sama meletakkan bahasa Melayu di tempat yang sewajarnya sesuai dengan sifatnya sebagai jati diri bangsa sebagai akar budaya bangsa, sebagai warisan budaya bangsa yang ber-

harga, sebagai bahasa rasmi negara dan sebagai salah satu elemen penting dalam falsafah negara kita.

Majlis diserikan dengan persembahan dari setiap jabatan yang mengambil bahagian dan seterusnya para jemputan dibawa menyaksikan pameran serta lawatan ke Bilik Bacaan Bahasa Inggeris untuk Program Reading Intervention.

Sempena program itu,

beberapa aktiviti telah disusun dari bulan Februari lalu sehingga November nanti yang diselenggarakan oleh beberapa jabatan di bawah SM SMJA iaitu Jabatan Bahasa Melayu, Jabatan Bahasa Inggeris, Jabatan Bahasa Arab serta Kelab Jepun yang antara lain bertujuan bagi memupuk dan menggalakkan para pelajar untuk meningkatkan kemahiran penggunaan setiap bahasa tersebut.



KETUA Pengurus Operasi BLNG, Awang Haji Khamis bin Haji Kassim selaku wakil tetamu kehormat menyampaikan hadiah dan sijil kepada seorang pelajar cemerlang dalam peperiksaan GCE 'O' Level tahun 2009.

MUIB dan JDBM hulus bantuan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

MUKIM KOTA BATU. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi agensi-agensi kerajaan berkaitan sentiasa menghulurkan bantuan kepada asnaf fakir miskin di negara ini yang memerlukan tempat kediaman yang selesa dan selamat.

Penyerahan rumah yang baru disiapkan dan juga pemasangan pendawaian

elektrik serta meter air bagi rumah Awang Hussin bin Japar, di Kampung Serdang, di sini baru-baru ini.

Majlis Penyerahan Rumah yang dibantu disiapkan itu disempurnakan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop bin Bakar, manakala penyampaian sijil penyerahan bantuan disempurnakan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB),

Awang Haji Wahab bin Haji Sapar.

Awang Hussin, 76, mendiami rumah tersebut bersama isteri dan seorang anak dan menantunya serta lima orang cucunya.

Beliau menyara hidupnya dengan menerima bantuan dari MUIB sebanyak BND400 lebih sebulan melalui wang zakat dan pen-cen umur tua sebanyak BND250 sebulan.

Dengan adanya bantuan menyiapkan rumah dan juga pemasangan pendawaian elektrik serta meter air

bagi rumahnya itu, akan dapat memberi keselesaan tempat tinggal kepada Awang Hussin sekeluarga untuk meneruskan kehidupannya di masa akan datang dalam keadaan yang lebih selesa.

Bantuan keseluruhan berjumlah BND15,200 merupakan inisiatif bersama MUIB dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) di mana dari jumlah tersebut sebanyak BND10,500 disumbangkan melalui wang zakat MUIB, manakala BND4,700 dari Tabung Amal JDBM.



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Wahab bin Haji Sapar menyampaikan sijil penyerahan bantuan kepada Awang Hussin bin Japar, di Kampung Serdang sambil disaksikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop bin Bakar. - Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid.

Dua orang penduduk di Kampung Ayer terima bantuan rumah

Oleh : Abdullah Asgar
Foto :
Abdul Kadir Md. Tahir

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 April. - Dua orang penduduk kampung masing-masing dari Kampung Bakut Pengiran Siraja Muda 'B' dan Kampung Burong Pinggai Ayer menerima bantuan rumah dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Tabung Amal Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM).

Awang Haji Kula bin Haji Mat Jair yang terlibat dalam kejadian kebakaran di Kampung Bakut Pengiran Siraja Muda 'B' belum lama dulu kini terbelas dengan menerima rumah baru di Kampung Burong Pinggai Ayer.

Rumah bantuan yang baru berharga BND7,000 di mana BND5,000 darinya adalah melalui bantuan MUIB, sementara selebihnya BND2,000 dihulurkan melalui Tabung Amal JDBM.

Selain rumah, Awang Haji Kula juga menerima sumbangan peribadi dari Penghulu



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop semasa menyampaikan sijil rumah bantuan kepada Awang Haji Kula bin Haji Mat Jair.

Mukim Peramu, Pengarah Haji Ismit yang juga mengusahakan pembelian rumah yang diterima.

Sementara itu, Dayang Zaiton binti Abd. Ghani bersama suami dan seorang anaknya yang sebelum ini mendiami

rumah yang sudah usang dan tidak selamat lagi untuk didiami di Kampung Burong Pinggai Ayer juga menerima bantuan di kampung yang sama.

Rumah baru Dayang Zaiton dibeli dengan harga BND3,000

atas sumbangan Awang Nazeer Ahmad Zakaria seorang pengurus syarikat tekstil.

Majlis penyerahan kedua-dua buah rumah tersebut diserahkan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Md.

Yussop bin Bakar di rumah kediaman baru kedua-dua penerima tersebut di Kampung Burong Pinggai Ayer di sini.

Turut hadir menyaksikan majlis berkebjakan ini ialah wakil dari MUIB dan pengurus syarikat tekstil.

Pejabat Daerah Brunei dan Muara akan sentiasa berusaha membantu mereka yang sangat memerlukan rumah khasnya di Kampung Ayer melalui Tabung Amal JDBM, di samping sumbangan derma dari perseorangan dan para dermawan di negara ini.



PENGURUS syarikat tekstil tempatan, Awang Nazeer Ahmad Zakaria menyampaikan sijil rumah bantuan kepada Dayang Zaiton binti Abd. Ghani.

Bergotong-royong membina jambatan kayu

SUNGAI MATAN. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Matan telah mengadakan aktiviti bergotong-royong dan bermucang-mucang bagi membina satu jambatan kayu baru di kampung berkenaan, di sini baru-baru ini.

Menyertai aktiviti tersebut, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop bin Bakar yang bersama-sama melibatkan diri dalam kerja hal kemasyarakatan tersebut.

Turut sama, pegawai-pegawai JDBM, ahli-ahli MPK Sungai Matan serta para penduduk kampung berkenaan.

Jambatan kayu yang baru itu, berukuran lebih 180 kaki panjang yang berfungsi sebagai jalan penghubung bagi para penduduk kampung, di samping menjadi laluan utama ke Bangunan Teratak Pelancongan Kampung Nelayan yang akan dibina di tepi Sungai

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi

Brunei, kampung itu nanti.

Dengan adanya kemudahan jalan yang selesa menuju ke teratak yang akan dibina itu nanti, dapatlah mempromosikan kampung tersebut sebagai salah sebuah kampung nelayan melalui penghasilan produk-produk makanan laut.

Selain itu, ia juga dapat menawarkan aktiviti-aktiviti ekopelancongan terutama kepada para pelancong dari dalam dan luar negeri serta menyahut seruan kerajaan dalam mewujudkan 'Satu Produk Satu Kampung'.

PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop semasa membina jambatan di Kampung Sungai Matan secara bergotong-royong bersama penduduk kampung. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.



490 buah rumah kini dalam proses pembinaan di RPN Kampung Lumut

LUMUT, SUNGAI LIANG. - Sebanyak 490 buah rumah *detached* jenis *basic* bagi kawasan Fasa Tiga akan dibina di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Lumut / Sungai Liang bagi menampung penempatan pemohon yang telah diprioritaskan dan sedang me-

nunggu giliran peruntukan perumahan, baru-baru ini.

Sehubungan itu Majlis Doa Selamat dan peletakan batu asas sempena pembinaan perumahan tersebut telah diadakan baru-baru ini, di kawasan berkenaan yang disempurnakan dan didahului oleh tetamu kehormat, Menteri Pem-

**Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah
Pg. Haji Omaralli**

angunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah dan diikuti oleh jemputan khas

yang lain.

Projek yang menelan belanja lebih BND60 juta itu merupakan projek infrastruktur Fasa Tiga bagi perumahan H7 dan H8 di bawah RPN Kampung Lumut / Sungai Liang dikendalikan oleh pemborong pembinaan, Syarikat Kejuruteraan Sistemik Sendirian Berhad (SKS). Kerja-kerja pembinaan mengambil masa selama 24 bulan yang bermula Januari lepas dan keseluruhan projek dijangka siap pembinaannya pada tahun 2012.

RPN Kampung Lumut / Sungai Liang berkeluasan kira-kira 282 hektar dengan jumlah keseluruhan lot rumah sebanyak 2,155

buah. Bagi kawasan Fasa Satu dan Fasa Dua sebanyak 458 buah lot telah pun diperuntukkan kepada pemohon-pemohon yang layak, manakala di kawasan Fasa Lima pula kira-kira 1,004 rumah jenis teres akan dibina, di samping disediakan tapak-tapak bagi kemudahan awam yang lain.

Antara yang hadir di majlis tersebut Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Mat Suny, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kementerian tersebut dan jabatan-jabatan di bawahnya.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah semasa menyempurnakan peletakan batu asas sempena pembinaan perumahan tersebut.

MUIB hulur bantuan kepada mangsa kebakaran



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Wahab bin Haji Sapar menyerahkan bantuan kewangan kepada mangsa kebakaran di Kampung Serembangun, Awang Zainuddin bin Haji Minor Absah.

TUTONG. - Sebagai usaha membantu mangsa kebakaran rumah di Kampung Serembangun baru-baru ini, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) telah menghulurkan bantuan berupa wang sebanyak BND1,200 melalui kumpulan wang zakat asnaf fakir dan miskin.

Penyerahan bantuan tersebut disempurnakan oleh Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Wahab bin Haji Sapar kepada mangsa yang terabit, Awang Zainudin bin Haji Minor Absah bersama isteri dan empat orang anak di majlis yang berlangsung di Bilik Mesyuarat, Jabatan Hal Ehwal Ugama, baru-baru ini.

Rumah kediaman berserta harta benda Awang Zainuddin telah musnah dijilat api pada 30 Mac lalu dan di atas inisiatif Pemangku Pegawai Daerah Tutong, mereka telah diberi kebenaran untuk tinggal sementara di Rumah Tumpangan Kerajaan kawalan Jabatan Daerah Tutong.

Awang Zainuddin dan keluarga sebelum ini juga telah menerima bantuan kewangan daripada Tabung Kebajikan Daerah Tutong

Berita dan Foto : Shari Haji Garib

sebanyak BND300 yang disampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong.

Bantuan tempat tinggal sementara dan wang dari tabung kebajikan tersebut telah diserahkan serta-merta pada hari kejadian kebakaran tersebut.

Menurut Pemangku Setiausaha MUIB, wang bantuan serta-merta yang selalunya dihulurkan oleh majlis berkenaan kepada mangsa-mangsa musibah seperti mangsa kebakaran rumah kediaman adalah bagi kegunaan para mangsa membeli barang keperluan asas seperti makanan dan pakaian.

Turut hadir di majlis ini, Pemangku Ketua Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Md. Faizul Azwan bin Haji Ahim dan Ketua Bahagian Zakat, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Mahani binti Haji Musa.

Generasi kanak-kanak merupakan aset penting bagi jentera pentadbiran negara

TEMBURONG. - Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin menekankan generasi kanak-kanak hari ini merupakan aset yang sangat penting bagi jentera pentadbiran negara pada masa akan datang dan mereka perlu di berikan pendidikan yang lebih terancang sebagai pewaris kepada bangsa dan negara yang berwibawa.

"Peraduan Mari Berce-rita ini sedikit sebanyak mempunyai kaitan dengan pembelajaran yang realistik kerana melalui peraduan seperti ini akan dapat mendedahkan dan mengangkat minda para pelajar ke arah Sistem Pendidikan Negara Abad Ke 21 (SPN21) supaya berketerampilan diri

terutama dalam hidup berorganisasi, berani bercakap di khalayak ramai, membentuk syahsiah dan personaliti, berwibawa, komited dan berdaya saing juga mengarah para pelajar untuk menaani sama Wawasan 2035 ke arah kehidupan yang lebih berkualiti, berkemahiran tinggi, berjaya, mendaya cipta ekonomi yang dinamik, berdaya tahan supaya dapat mengangkat dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang terkenal di seluruh dunia," katanya.

Dengan adanya peraduan seumpama ini tambahnya, akan dapat menggalakkan para pelajar supaya lebih memahami dan memperbaiki bahasa Melayu yang diangkat dan

**Oleh :
Nurhidayah Haji Kamis**

diperundangkan sebagai bahasa rasmi negara yang perlu dipupuk dan disemai di kalangan anak-anak kita sejak dari rebung lagi sebagai usaha untuk menjaga warisan yang dimiliki oleh bangsa Melayu sendiri.

Juara Peraduan Mari Berce-rita Peringkat Daerah Temburong tahun ini disandang oleh Awang Saza Yeol bin Sara yang mewakili Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi.

Sementara naib juara dimenangi Dayang Noor Farahanonne binti Januddin dari Sekolah Rendah Amo.

Manakala Dayang Nu-

riah Wahidatul Fikriyah binti Ashawary yang mewakili Sekolah Rendah Negalang hanya berjaya menduduki tempat ketiga.

Seramai sepuluh peserta mengikuti Peraduan Mari Berce-rita yang mewakili Sekolah-sekolah Rendah bagi peringkat Daerah Temburong yang berlangsung di Sekolah Rendah Puni, baru-baru ini.

Peraduan Mari Berce-rita antara lain bertujuan bagi menanam sikap rajin membaca dan menggalakkan kanak-kanak untuk bersikap berani, tegas dan mempunyai keyakinan diri apabila berhadapan di khalayak ramai.

Majlis Khatam Al-Qur'an Persatuan PAKATAN

PEKAN TUTONG. - Seramai 14 orang pelajar kelas menghalusi bacaan Al-Qur'an Persatuan Bekas Kakitangan Kerajaan (PAKATAN) diraikan di Majlis Khatam Al-Qur'an anjuran persatuan tersebut bertempat di Ibu Pejabat PAKATAN, baru-baru ini.

Majlis yang dihadiri oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Maznih bin Haji Muhammad Nur bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah dan diselenggarakan dengan bacaan ayat-ayat lazim oleh para peserta lelaki berserta bacaan Tahtim, kemudian diikuti dengan bacaan doa-doa Khatam yang dipimpin oleh ahli PAKATAN, Awang Yahya bin Abdul Hamid.

Majlis tersebut antara lain bertujuan untuk menggalakkan supaya ahli-ahli persatuan sentiasa membaca ayat-ayat Al-Qur'an sebagai amalan harian dan juga dapat memperbaiki dan menghalusi lagi bacaan dengan

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin

tajwid yang betul.

Tenaga pengajar kelas menghalusi bacaan Al-Qur'an ialah Ketua Biro Ugama dan Kebajikan PAKATAN iaitu Awang

Haji Johari bin Kamis yang mana beliau adalah pesara pegawai agama.

Persatuan PAKATAN ditubuhkan 16 tahun lalu dan mempunyai kerama-

ian ahli 300 orang.

Berdasarkan keramaian ahli yang bertambah dari tahun ke setahun menunjukkan bahawa persatuan itu mendapat galakan daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang bersara di daerah itu.

Bengkel susulan merumuskan Pelan Strategik EBLF 2010-2014

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 April. - Dalam usaha memajukan aktiviti-aktiviti e-Perniagaan di Negara Brunei Darussalam satu bengkel berkaitan dengan Forum Kepimpinan e-Perniagaan (EBLF) diadakan di Pusat iCentre Anggerek Desa, di sini.

Bengkel dihadiri oleh Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah, para perwakilan dari Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perhubungan, Institut Teknologi Brunei (ITB), Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Syarikat Minyak Brunei Shell dan

Persatuan Bank-Bank Brunei.

Semasa bengkel para peserta dari pihak kerajaan dan agensi bukan kerajaan masing-masing memberikan buah fikiran bagi sama-sama memajukan e-Perniagaan masyarakat sesuai dengan tujuan bengkel untuk memajukan e-Perniagaan di negara ini, mengukuhkan e-Perniagaan masyarakat setempat, serantau dan juga antarabangsa, di samping memberikan bimbingan kepada mereka yang baru dalam e-Perniagaan ini.

Bengkel dikendalikan oleh pengarah sebuah konsultant perniagaan yang bertanggungjawab bagi pengurusan dan program iCentre, Brian Koh.

Adalah diharapkan bengkel seumpama ini dapat dijadikan sebagai pembuka jalan ke arah mencapai sasaran bagi merumuskan Pelan Strategik EBLF 2010-2014 dan meluaskan dan meningkatkan usaha bagi memperbaiki e-Perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

EBLF yang ditubuhkan pada bulan Februari 2009 atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertujuan untuk meningkatkan aktiviti e-Perniagaan di negara ini dengan menyebarkan minat semua sektor dan agensi yang berkaitan dengan e-Perniagaan.



PELAJAR-PELAJAR Kelas Menghalusi Bacaan Al-Qur'an, Persatuan Bekas Kakitangan Kerajaan (PAKATAN) diraikan di Majlis Khatam Al-Qur'an berlangsung di ibu pejabat persatuan berkenaan.

BIASANYA orang berpendapat dan menganggap bahawa kecekapan itu adalah pandai dan mahir membuat kerja atau melaksanakan tugas-tugas yang diberikan mengikut cara kerja atau prosedur tertentu yang mekanikal sifatnya.

Benar, jika orang itu membuat kerja mekanikal dan kerja harian barangkali makna di atas dapat diterima. Namun cetusan minda kita kali ini bukan itu yang hendak diutamakan. Kita berkurapak tentang ketua atau kepemimpinan dalam erti kata yang lebih khusus iaitu tugas pemimpin bangsa dan negara.

Pemimpin harus melakukan tindakan yang dapat membawa perubahan dan kemajuan yang baik kepada manusia. Maksudnya keberkesanan. Nah, kerana itu ketua yang pintar dan cekap, menurut takrif biasa, belum tentu berkesan. Maknanya, belum pasti membuahkan hasil yang dapat mengubah keadaan hidup manusia dariapad keadaan yang *gulmat* dan mundur kepada keadaan yang lebih selesa dan maju.

Dan untuk menjadi pemimpin yang berkesan, kepentingan agama, masyarakat, bangsa dan negara adalah diberi keutamaan daripada kepentingan diri sendiri.

Maaf cakap, pemimpin yang mementingkan diri sendiri pasti akan melakukan perbuatan yang tidak ikhlas. Tidak mempunyai apa-apa prinsip, jauh sekali wawasan yang jelas dan tegas. Dia tidak mempunyai jiwa yang bersih.

Bercakap mengenai bersih ini, bisai kita merujuk kepada kebersihan hati atau niat. Ya, niat! Niat di dalam hati yang menentukan perbuatan manusia. Niat di dalam hati yang mengawal sebarang perbuatan. Niat di dalam hati juga mempengaruhi perbuatan manusia.

Sukar dinafikan bahawa orang yang normal fikirannya tetap akan menyayangi dan menghormati mereka yang sentiasa mempunyai niat yang baik dari hati yang bersih. Antara sifat seseorang yang baik ialah mempunyai sikap tegah tetapi peramah.

Orang yang berniat baik tetap mematuhi peraturan yang ditetapkan tetapi masih tetap boleh menggunakan pertimbangan yang rasional, di samping mempunyai budi bicara yang disenangi.

Kerana niatnya baik, misalnya, apabila mendengar sahabatnya sakit, pasti akan diziarahi ketika kawan itu terlantar di rumah sakit. Di samping itu mempunyai keprihatinan yang tinggi kepada sahabat handai dan rakan taulan terutama jiran-jiran tetangga.

Niat mengambil peranan penting sebelum melakukan sesuatu perkara. Kenapa? Ketika kita ingin beribadah, maka ibadah itu tidak mempunyai nilai jika tiada mempunyai motivasi yang jelas, yakni niat yang jelas. Dalam hal ini dari Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam dalam salah satu hadisnya bersabda :

“Apabila setiap perbuatan tidak dimulai dengan niat yang ikhlas, maka amal itu akan tertolak. Sesungguhnya amal itu tergantung niat dan setiap orang akan diintai tanggungjawabnya berdasarkan niatnya.”

Jika niatnya ikhlas, insya-Allah, dia akan mendapat pahala. Tapi jika niatnya tidak ikhlas, maka apa yang dilakukannya sia-sia. Contohnya, ketika anda hendak memohon kerja setelah keluar sebagai seorang siswa, kenapa? Niatnya apa! Kemudian setelah mendapat pekerjaan, tentunya akan berfikir untuk berumah tangga, kenapa ingin berkahwin?

Pasti ada jawapan dan alasan-alasan. Dengan kata lain, setiap gerak-geri dalam meniti kehidupan ini selalu ditemukan niat untuk melakukannya. Kita mempunyai alasan-alasan tertentu bagi membuat sesuatu.

Sebarang perbuatan itu hendaklah bermula dengan niat. Apabila niat manusia bersih, yakni jujur dan ikhlas, maka amalan dan perbuatannya pasti akan turut bersih dan mendatangkan kemudharatan kepada sesiapa, tidak juga menimbulkan keresakan kepada masyarakat dan negara.

Jika niatnya kotor, yakni tidak ikhlas dan tidak jujur, segera atau lambat laun akan diketahui juga melalui perbuatannya. Orang yang tidak bersih hatinya, dapat kita kesan dan lihat, melalui sifat dendamnya, sikap iri hatinya terhadap kejayaan orang lain, di samping sikap berpura-pura dan gemar berbohong.

Benar, di kalangan manusia di bumi ini, tiada terdapat yang bersih unggul. Ya, tidak terdapat di dunia ini manusia yang serba sempurna. Tetapi itu bukanlah alasan untuk kita bersikap sambil lewa. Lalu berserah bu-



Oleh :
Haji Mohd. Salleh bin
Abdul Latif,
Penerima Anugerah
Penulis Asia
Tenggara 1990
(The S.E.A. Write Award)

BILANGAN 54

lat-bulat kepada takdir. Nasib tidak akan berubah secara silap mata, maaf cakap.

Tidak ada satu nasib yang boleh berubah secara silap mata atau semena-mena. Kerana itu manusia digalakkan berusaha dan berikhtiar sungguh-sungguh. Benar, setiap individu itu mempunyai keterbatasan-keterbatasan tertentu dalam melihat dan mengatasi suatu persoalan.

Mungkin ada sesuatu yang belum diketahui. Setelah berikhtiar, berdoa dan bertawakal, serahkan kepada Allah kerana Allah yang lebih tahu mana yang terbaik untuk kita. Ya, pasrahkan apa pun hasilnya.

Hidup tidak harus selalu bermimpi. Dan mimpi tidak akan mengubah nasib. Untuk menikmati hidup yang penuh semangat maka pelbagai pengetahuan, kembangkan bakat dan sentiasa berniat baik untuk merubah keadaan dalam hidup.

Kehidupan ini memang pelbagai. Ada riang, ada sedih. Ada kurnia, ada ujian. Ada lahir, ada meninggal dunia. Ada kaya, ada miskin. Ada damai, ada bersengketa. Ada sukar, ada senang.

Namun untuk menikmati kehidupan yang aman dan tenteram, susun kemaslah waktu untuk baca Al-Qur'an. Waktu untuk tafakur. Waktu untuk berzikir. Waktu untuk muhasabah. Waktu untuk membaca. Waktu untuk santai-santai. Waktu untuk riadah. Demikian seharusnya umur kita yang sementara ini dipenuhi dengan perkara-perkara yang berfaedah.

Nah, ambillah yang paling baik dari segala sesuatu. Timba dan hayati yang paling indah dari semua ilmu dan seni tidak terkecuali budaya dan sastera.

Yang paling abdal untuk kita tarapkan melalui niat yang bersih ialah memberikan amal salih dalam setiap nikmat yang Allah kurniakan.

“Apakah nilai kebaikan?”

“Nilai utama kebaikan ialah sihat afiat.”

Sihat afiat penting dalam kehidupan. Afiat itu adalah harta yang paling agung. Afiat itu lebih berharga dari harta menimbun. Afiat lebih indah daripada taman-taman indah buat manusia.

Renung-renunglah, ada orang yang memiliki banyak harta dan wang ringgit namun sakit maka hartanya yang lumayan itu tidak bermakna lagi kerana tidak dapat dinikmati.

Nasi Katok yang diikuti dengan sihat afiat serta air bersih jauh lebih nyaman dan menjadi menu yang paling nikmat dan indah bagi orang yang sihat afiat. Sebaliknya menu enak dengan madu asli, daging kambing yang rangup akan terasa pahit dan tidak menyelerakan bagi orang yang sakit.

Sesungguhnya, mutu setiap seorang itu adalah perbuatan baiknya, inovasinya dan keunggulannya. Nilainya itu ada pada ilmunya, pada sifat jujur dan keramahannya dan yang penting adalah pada imannya. Dan nasib tidak berubah secara silap mata!

Lalu mengapa manusia tidak mahu menambah nilainya? Mengubah nasibnya? Dan tidak mahu mengembangkannya? Kenapa berdiam diri?

Sesungguhnya kehidupan ini tidak pernah mengagumi dan menghargai orang-orang yang hanya diam tanpa berbuat apa-apa. Tunggu rahmat dari langit tanpa usaha! Tunggu nikmat sakti tanpa ikhtiar! Tunggu takdir!

Menurut Dr. Aidh Abdullah Al-Qarni bahawa seseorang hendaklah menggunakan segala kudrat dan akalnyanya dengan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari dan memperoleh apa-apa yang bermanfaat di dunia dan di Akhirat sesuai dengan syariah berbekalkan semangat.

Sesungguhnya semangat tinggi akan menggerakkan kemahuan, membangkitkan tekad, mencari kesempatan yang tepat, bersegera untuk memetik buah manfaat, memetik butir-butir faedah dan mengikat semua

“PENGALAMAN itu adalah interaksi langsung dengan semua peristiwa dan kejadian. Pengalaman itu adalah perjuangan terus-menerus dalam kehidupan. Ianya juga latihan diri untuk bersikap tambah matang. Pengalaman dengan sesuatu peristiwa yang sangat dibenci lebih memberi kesan daripada pengalaman dari sesuatu yang disayangi. Kerana apa? Sesuatu yang tidak disukai akan membangkitkan hati, menyedarkan jiwa, menghangatkan rasa emosi.”

Nasib tidak berubah secara silap mata

maslahat.

“Dia akan sentiasa mengintai waktu yang tepat dan mengawasi waktu-waktu yang bermanfaat sehingga dengan kemampuan nuraninya mampu menatap apa yang berguna bagi agama dan dunianya. Selalu waspada bagi mendapatkan sesuatu yang bermanfaat adalah dalil akan kebenaran niat, kekuatan tekad, eloknya tabiat dan jiwa dan baik tingginya pemahaman. Setiap orang yang berakal dan memiliki jiwa yang bersih, dia akan sentiasa berusaha keras untuk mendatangkan kebaikan bagi dirinya, keluarga, agama, bangsa dan tanah airnya dengan tekad sentiasa menolak sesuatu yang berbahaya dan memudaratkan semua itu,” demikian ujar penulis buku bertajuk *'Berbahagialah'* terjemahan dari karya asal Dr. Aidh dalam bahasa Arab iaitu *'Hadaa'iq Dzatu Bahjah.'*

Nah, tiadalah seseorang lalai akan kemaslahatan dirinya kecuali orang yang bodoh dan berniat bersih. Dan tidaklah seseorang bermalas-malas bagi mendapatkan rezekinya kecuali orang yang bodoh dan lemah akal.

Sesungguhnya *wahyu* datang dengan menggerakkan semangat membangkitkan hasrat, memotivasikan tekad, menggerakkan kemahuan agar bangun dan bergerak aktif bagi mencapai kebaikan, menghimpun keutamaan dan mempertingkatkan nilai-nilai murni hasil dari niat yang baik. Pekerjaan niat yang dituruti oleh gerakan yang benar, tindakan yang jujur dan ikhlas dan semangat yang sempurna. Sehingga dengan sikap penuh proaktif, seseorang akan berusaha memperbaiki niatnya, memperbaiki amal perbuatannya, mencerahkan masa depannya, mencari rezeki yang halal, melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah.

Benarlah, semangat yang sentiasa memberi manfaat pada diri, keluarga, agama, bangsa dan negaranya adalah kewajipan syariah dan sebuah tuntutan rasional. Akan sentiasa merintis lalu berlumba-lumba dalam melaksanakan perbuatan dan kebajikan yang mulia. Selalu ghairah dan *iski* untuk tujuan-tujuan yang murni dan berkebaikan. Dalam hatinya terdapat *nur* cahaya. Melakukan segala sesuatu dengan menyenangkan. Mereka yang berniat baik akan menjalani cabaran-cabaran hidup tidak terkecuali yang pahit dengan tenang, dan dengan senang hati. Kerana baginya, cabaran-cabaran itu suatu kenikmatan.

Sebaliknya, mereka yang berniat jahat pastinya menganggap cabaran-cabaran itu sebagai suatu yang menyeksakan. Tekanan-tekanan jiwa yang mendera fikiran. Kenapa? Ke-

rana rasa bersalah itu tetap berdetik di hatinya. Rasa berdosa itu tetap berayut dalam jiwa raganya.

Benar, kita sebagai manusia memang tidak sunyi dari berbuat salah dan mungkar. Nafsu dan syaitan sentiasa mendorong kita untuk berbuat jahat dan ingkar terhadap Allah Subhanahu Wata'ala yang bersifat Maha Pengasih dan Maha Penyayang sentiasa memberi peluang kepada manusia untuk memperbaiki diri.

Namun betapa banyak orang yang sebelumnya lalai, selalu santai-santai dan berdiam diri di tempatnya, dalam jangka waktu beberapa tahun dia telah didapatkan menjadi perintis dalam suatu kegiatan yang berkebaikan. Menjadi seorang yang rendah hati dalam beribadah. Pengalaman mendidiknya untuk bertambah matang.

Pengalaman itu adalah interaksi langsung dengan semua peristiwa dan kejadian. Pengalaman itu adalah perjuangan terus-menerus dalam kehidupan. Ianya juga latihan diri untuk bersikap tambah matang. Pengalaman dengan sesuatu peristiwa yang sangat dibenci lebih memberi kesan daripada pengalaman dari sesuatu yang disayangi. Kerana apa? Sesuatu yang tidak disukai akan membangkitkan hati, menyedarkan jiwa, menghangatkan rasa emosi.

Manakala itu musibah, bencana dan malapetaka akan menghimpun segala pengalaman. Ianya memberi pengajaran dalam mengatasi hambatan-hambatan dan krisis. Seseorang akan keluar dari masalah itu dengan kadar kemampuan dan persiapannya. *Al-Mutanabbi* dalam qasidahnya menuliskan seperti berikut :

*Andai kata bukan kerana kesulitan
pastilah semua manusia akan memimpin
kedermawanan akan membuat kefakiran
dan keberanian ada dalam perang.*

*Mereka yang berhak mendapat kemuliaan
adalah yang masuk dalam ujian yang merasakan aman
orang yang menganggap kesulitan hal yang ringan.*

Benarlah, pengalaman juga dapat ditimba dari buku-buku klasik yang merupakan khazanah peninggalan dan hikmah manusia-manusia terdahulu. Dan jangan kita harapkan kehidupan ini tanpa ujian. Lagipun kesedihan tidak akan mengembalikan yang telah tiada. Lalu bangun, bangunkanlah. Nasib tidak berubah secara silap mata.

REMAJA

Harapan yang tidak akan pernah luntur

SEKALIPUN kita harus berdepan dengan berbagai isu tentang generasi belia remaja, dari persoalan sosialisme, budaya, pengaruh persekitaran dan juga perkembangan kesihatan dan mental mereka, kita tetap bertanggungjawab dalam menyediakan sebarang keperluan dan kemudahan untuk mereka jadikan sebagai asas membina diri mereka. Kita mesti yakin generasi belia remaja kita adalah satu kumpulan yang cukup dinamik dan proaktif dalam memenuhi kehendak persekitaran. Justeru keadaan ini tidak boleh kita biarkan begitu sahaja. Perlu ada sesuatu yang boleh menjadi mangkin ke arah membantu dinamisme mereka dan juga keupayaan mereka bertindak. Persekitaran adalah wadah yang sentiasa berubah dan akan melalui satu proses yang saling bertukar ganti. Adalah wajar generasi belia remaja kita tahu akan skop dan ruang yang akan mereka isikan. Ada beberapa elemen yang perlu diperhatikan oleh generasi muda belia kita. Terutama sekali menyangkut persoalan bagaimana boleh membuat sumbangan yang bermakna terhadap kemajuan dan perkembangan negara. Negara cepak dan akan kerap menyediakan gagasan membina tamadun bangsa dan mewujudkan identiti sebagai sebuah negara yang maju. Justeru kita melihat dari permulaan langkah pembangunan negara dan masyarakat berbagai perkembangan telah dilakukan dan dibuat semata-mata ke arah pembinaan sebuah bangsa dan negara yang kuat dan teguh berdiri di atas kakinya sendiri.

GENERASI PELAPIS

Sebahagian besar generasi belia, kini sudah pula berada dalam kelompok dewasa, masing sedang berperanan untuk merealisasikan harapan dan matlamat yang ingin dicapai oleh negara kita. Banyak pelajaran dan modal yang boleh kita perhatikan dan pelajari bersama. Ada negara yang sudah semakin jauh berada di depan bersama dengan berbagai kemajuan yang mereka bina dalam suasana dan iklim yang sedia ada. Ada negara yang sebelumnya berada di tahap kurang maju kini sudah terkehadapan maju diberbagai bidang bersama bangsa dan tamadun negaranya.

Semua ini memberikan sumber inspirasi kepada kita, bagaimana sepatutnya membina tamadun bangsa yang merdeka lagi berprestasi maju. Pergerakan yang dinamik dan juga rangsangan yang lebih kreatif menjadikan sesebuah bangsa dan masyarakat itu boleh bergerak secara proaktif dan membina daya kekuatan diri yang menyumbang ke arah kemajuannya. Justeru, kita juga boleh berupaya tinggi untuk mencapai tahap yang diperolehi oleh negara-negara yang sudah lama menikmati kemajuan sedemikian. Namun kita tetap memerlukan kepada generasi dan bangsa yang lebih dinamik dan berpandangan jauh. Kerana keupayaan kita dalam menerajui berbagai bidang, bukan sahaja akan menjadikan kita lebih tahan berdaya saing sekali gus kita juga akan mampu menjadi penggerak yang mewujudkan perkembangan dan kemajuan berbangsa dan bernegara. Keperluan untuk menjadi masyarakat yang dinamik adalah penting dalam era membina tamadun yang tinggi. Kita memerlukan masyarakat yang dinamik yang mencakupi daya fikir, pengurusan, kecekapan, kemahiran dan daya kreativiti yang tinggi.

DINAMIK

Ketangkasan ini diyakini akan membantu dalam kita menggerakkan program atau rencana pembangunan yang diaturkan. Dalam zaman di mana kita sudah semakin terdedah kepada dunia luar, apatah lagi dengan adanya kemudahan masa kini menjadikan kita lebih dekat kepada betapa pentingnya menjadi bangsa yang dinamik dan proaktif. Persekitaran sekeliling kini memberikan banyak ruang untuk kita mewujudkan berbagai kemahiran. Kepesatan dunia teknologi masa kini jelas telah memberikan ruang yang sangat munasabah untuk kita turuti dalam arus perkembangan

kemudahan yang kita miliki inilah, kita seharusnya menggambing tenaga dan kemahiran untuk berada di hadapan bersama mereka yang sudah mendahului kita. Persoalannya bagaimana cara mengisi ruang yang menjadikan kita lebih dinamik dan proaktif ialah cara dan pandangan kita terhadap perkembangan dan kemajuan sekeliling. Era yang kita lalui sekarang menuntut kita bergerak pantas dan tangkas. Untuk menjadikan kita mampu melakukan ia perlu kepada sokongan diri yang yakin bertindak. Perkiraan kita tidak boleh untuk jangka pendek dan terkonkong dengan idea lama dan lapuk. Minda kita mestilah terbuka bersama dengan proses perubahan yang mengorak berbagai pengetahuan baru. Dari sinilah kita melalui proses mengangkat diri dan meletakkan dinamisme masyarakat. Generasi muda merupakan angkatan yang dipertaruhkan untuk berperanan dalam menggerakkan aspirasi menjadikan kita dinamik. Justeru generasi muda perlu berani dalam menentukan hala tuju yang betul. Sebagai generasi yang akan terus berdepan dengan perubahan sekeliling, kita perlu pandai menempatkan kedudukan kita. Ini adalah sebenarnya penting bagi mengelakkan sebarang penyertaan ke arah proses perubahan itu tidak mencorakkan suatu yang mengundang hal negatif. Kita perlu bijak mempelajari setiap perkembangan dan kemajuan yang berligar. Kerana adakalanya perubahan sekeliling dan perkembangan di hadapan kita adalah merupakan perkara yang tidak sesuai dengan cara dan budaya kita.

Ketidaksesuaian ini selalunya mengundang berbagai pantulan sama ada sikap, kemahiran dan naluri kita sendiri. Ketidaksesuaian ini juga boleh sahaja melebarkan jurang yang akan mengangkat keupayaan diri untuk berperanan dengan lebih berkesan yang menjadikan kita terasing. Namun tidak semua akan menjadi halangan dalam proses menentukan keupayaan kita. Di sinilah kita perlu bijak kepada meletakkan diri dengan betul dengan bersendikan kekuatan ilmu pengetahuan yang ada. Makanya harapan yang tidak akan pernah luntur sentiasa terpahat untuk menjadi sukat-sukat mencapai matlamat sedemikian itu.

Begitulah betapa pentingnya sikap dinamik dan juga proaktif kita jadikan sebagai asas pembinaan diri yang menjadi alat pembinaan masyarakat yang maju. Dalam keadaan dunia yang serba maju dan canggih ini, kita tidak mempunyai masa yang cukup untuk menoleh ke belakang lagi.

OLEH : H. A MANAP

dan kemajuannya. Sikap dan kemahiran inovasi adalah merupakan asas penting kini ianya amat berperanan dalam mewujudkan nilai baru dalam arus perkembangan teknologi masa kini. Ketinggian ilmu pengetahuan sebenarnya sudah tidak boleh diketepikan langsung sebagai sesuatu yang agak sukar untuk dicapai. Nilai dan matlamat perubahan sekarang adalah penjana kemahiran dalam arus persaingan teknologi tinggi.

Di negara kita ternyata hal sedemikian ini, sudah menjadi tumpuan dan juga perhatian yang sewajarnya. Kemampuan generasi pelajar masa kini dalam melahirkan ciptaan dan penghasilan mereka, akhirnya dalam sedikit waktu sahaja lagi akan dapat di pasarkan ke dunia pasaran teknologi. Kehebatan yang mungkin ramai tidak merasakannya sebagai inovasi ciptaan yang berkualiti tinggi, kini tidak boleh diabaikan begitu sahaja, kerana jika ini tidak dipedulikan nescaya apa pun yang kita ada akan terbiar dan mungkin, ada orang lain akan menjadikannya sebagai produk yang dihasilkan oleh mereka. Perubahan dan perkembangan positif yang berlaku ini memberikan isyarat untuk generasi pelajar dan mahasiswa untuk mengembangkan kecekapan, kemahiran dan kepandaian mereka dalam mereka cipta teknologi baru. Penghasilan yang mereka buat ini kelak akan boleh dikembangkan dengan adanya insentif yang dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei yang telah mewujudkan Program *Technopreneur*. Melalui insentif sedemikian ini sudah pasti ia memberikan ruang yang amat dinanti-nantikan oleh generasi ilmuwan kita yang sangat kreatif dalam mereka cipta penemuan-penemuan baru dalam bidang teknologi tinggi. Inilah sebenarnya satu lagi aset penting yang kita ada yang dimiliki oleh generasi ilmuwan yang ada di negara kita ini.

MEMBINA DAYA SAING


Akhir-akhir ini dengan adanya pendedahan penyertaan mereka dalam bidang sains dan teknologi masa kini, dalam penciptaan mereka telah mampu meningkatkan keupayaan mereka untuk berdaya saing. Kemampuan mereka ini ialah dalam mewujudkan inovasi sains dan peralatan terkini. Inilah juga yang menjadi modal kita dalam usaha untuk melangkah jauh sebagai generasi yang berinovasi dan berkualiti tinggi. Kita sedang berada di tengah-tengah perlumbaan membina tamadun bangsa dan negara, kerana itu imej kita juga perlu kepada yang boleh mencerminkan kemampuan dan keupayaan kita berada ditengah-tengah masyarakat global. Kita perlu mewujudkan daya tarikan kepada dunia luar yang ingin datang kepada kita.

Dengan menggunakan berbagai

DENGAN menggunakan berbagai kemudahan yang kita miliki inilah, kita seharusnya menggembelng tenaga dan kemahiran untuk berada di hadapan bersama mereka yang sudah mendahului kita. Persoalannya bagaimana cara mengisi ruang yang menjadikan kita lebih dinamik dan proaktif ialah cara dan pandangan kita terhadap perkembangan dan kemajuan sekeliling.

ALAI PINTAR

ALAI PINTAR melalui ruangan kali ini menampilkan 'Alat Muzik Tradisional' orang-orang Brunei kitani bagi pengetahuan generasi muda pada masa ini.



PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan yang tertera di bawah ini.

Borang jawapan Alai Pintar 885

Nama:

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Soalan Alai Pintar 885

APAKAH nama 'Alat Permainan Muzik Tradisional' orang-orang Brunei seperti yang ada di dalam gambar di atas ?

SYARAT PERADUAN

JIKA alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.

Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.

Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

Pemenang bagi soalan Alai Pintar 884 keluaran 21 April 2010. PELITA BRUNEI,

1. Ahnad Hanif Haffuzuddin bin Haji Hamidon Umur : 10 tahun. Sekolah Persediaan Arab Jerudong.
2. Nur Syahirah Haidah binti Zahid Umur : 8 tahun. Sekolah Rendah PGGMB.
3. Ali Dinie bin Haji Sabarudin Umur : 7 tahun. Sekolah Rendah Lambak.

Jawapan Soalan Alai Pintar 884 keluaran 21 April 2010 ialah : GULINGTANGAN.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Hantarkan borang jawapan Alai :

Kepada, Ruangan Alai Pintar 885 PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

ALAI DIALUKAN-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN JABATAN PENERANGAN

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR), BAHAGIAN PERLESENAN JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA

BAHAGIAN IV

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Menggunakan ruang kedai (untuk menjalankan kegiatan perniagaan atau perusahaan dan memerlukan pelan kasar menunjukkan kedudukan dalam ruang kedai)	7 hari
2.	Membaiki rumah kediaman (apa saja kerosakan yang tidak memerlukan pelan lengkap).	7 hari

BERANGKAT KE MAJLIS MEMBACA YAA SIIN DAN TAHLIL SEMPENA 100 HARI KEMANGKATAN ALMARHUM SULTAN ISKANDAR JOHOR



Laporan :
Jaafar Ibrahim
Foto :
Mohd. Zul-izzi Haji Duraman
dari Johor Baharu, Malaysia

JOHOR BAHRU, MALAYSIA, Ahad, 2 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Majlis Membaca Yaa Siin dan Tahliil Sempena 100 Hari Kemangkatan Almarhum Al-Mutawakal Allallah Sultan Iskandar Alhaj ibni Almarhum Sultan Ismail.

Majlis tersebut berlangsung di Masjid Sultan Abu Bakar, di sini.

Berangkat sama menyertai Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Kebawah DYMM bersama-sama Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ismail, Sultan Johor Darul Takzim berangkat tiba di Masjid Sultan Abu Bakar dengan dijunjung oleh Menteri Besar Johor Darul Takzim, Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman serta ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim

Sejurus sebelum Majlis Yaa Siin dan Tahliil dimulakan, baginda bersama Sultan Johor menyertai hampir 2,000 rakyat Johor Darul Takzim menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan kemudiannya diikuti dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Majlis Bacaan Yaa Siin dan Tahliil Sempena 100 Hari Kemangkatan Almarhum Sultan Iskandar dipimpin oleh Mufti Negeri Johor, Sahibus As-Samahah Yang Berhormat Dato Haji Mohd. Tahrir bin Dato Haji Shamsudin, yang juga membacakan doa selamat.

Baginda kemudiannya bersama-sama dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ismail dijunjung berangkat ke Majlis Santapan Khemah Diraja yang diadakan di luar kawasan masjid berkenaan.

Pada 23 Januari lalu, baginda bersama adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar

Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah berkenan berangkat ke Istiadat Pemakaman Jenazah Almarhum Al-Mutawakal Allallah Sultan Iskandar Alhaj di Makam Diraja Mahmoodiah.

Almarhum Al-Mutawakal Allallah Sultan Iskandar Alhaj, mangkat pada hari Jumaat, 22 Januari 2010 ketika berusia 77 tahun selepas memerintah Johor hampir tiga dekad.

Baginda diputerakan di Istana Semayam, Johor Baharu pada 8 April 1932 dan diimasyhurkan sebagai Sultan Johor Darul Takzim pada 11 Mei 1981. Tiga tahun kemudian pada 15 November 1984 baginda dilantik sebagai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-8 sehingga tahun 1989.

Almarhum semasa menjadi Yang Di-Pertuan Agong Malaysia telah berangkat mengadakan lawatan negara ke Negara Brunei Darussalam pada 4 April 1987. Almarhum Sultan Iskandar juga berangkat menghadiri Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta pada 5 Oktober 1992 dan sempena Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 1984. Selain itu, Almarhum juga sering berangkat ke Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri istiadat-istiadat rasmi negara dan istiadat yang beristiadat atas undangan Kebawah DYMM.

Sultan Iskandar merupakan putera ketiga Almarhum Sultan Ismail ibni Sultan Ibrahim dan cicinda kepada Bapa Johor Moden, Almarhum Sultan Abu Bakar. Baginda yang merupakan Sultan Johor keempat dalam sejarah Johor Moden, menerima pendidikan awal di Johor Baharu sebelum melanjutkan pelajaran ke Australia dan United Kingdom.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof.



3. KEBAWAH DYMM ketika menunaikan Solat Sunat Tahyatul Masjid, sebaik tiba di Masjid Sultan Abu Bakar. Juga menunaikan solat sunat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.
4. BAGINDA semasa berangkat tiba di Masjid Sultan Abu Bakar.
5. BAGINDA ketika membaca Surah Yaa Siin dan Tahliil Sempena 100 Hari Kemangkatan Almarhum Sultan Iskandar dipimpin oleh Mufti Negeri Johor, Sahibus As-Samahah Yang Berhormat Dato Haji Mohd. Tahrir bin Dato Haji Shamsudin.
6. BAGINDA menadah tangan ketika doa dibacakan sempena Majlis Membaca Yaa Siin dan Tahliil Sempena 100 Hari Kemangkatan Almarhum Sultan Iskandar.

1. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah para hadirin yang hadir di Majlis Membaca Yaa Siin dan Tahliil Sempena 100 Hari Kemangkatan Almarhum Sultan Iskandar.
2. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa berangkat berangkat di Masjid Sultan Abu Bakar bagi menghadiri Majlis Membaca Yaa Siin dan Tahliil Sempena 100 Hari Kemangkatan Almarhum Sultan Iskandar. Berangkat sama menyertai Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

SEMBAHYANG JEMAAH : Makmum Lambat Mengikuti Perbuatan Imam

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SALAH satu syarat mengerjakan sembahyang jemaah itu ialah makmum wajib mengikut imam dalam perbuatan sembahyang. Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda, **maksudnya** : "Sesungguhnya imam itu dijadikan untuk diikuti. Oleh itu, jika dia bertakbir maka kamu pun ikut bertakbir dan jika dia ruku' maka kamu pun ikut ruku' dan jika dia bangkit (dari ruku') maka kamu pun bangkit dan jika dia membaca : " **سمِعَ اللّٰهُ لِمَنْ حَمِدَهُ** " maka kamu pun baca : " **رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ** " dan jika dia sujud maka kamu pun sujud." (Hadits riwayat al-Bukhari).

Cara yang lebih sempurna dalam perkara mengikut perbuatan imam dalam sembahyang ini ialah makmum mula melakukan perbuatan sembahyang setelah imam sampai melakukan perbuatan sembahyang tersebut.

Jika makmum sengahaja mendahului imam dengan satu rukun *fi'li* (rukun perbuatan dalam sembahyang) tidaklah membatalkan sembahyangnya. Tetapi jika mendahuluinya dengan dua rukun *fi'li* maka batallah sembahyangnya.

Pada dasarnya makmum tidak boleh mendahului imam. Perbuatan mendahului imam jika dilakukan dengan sengahaja adalah haram. Ini berdasarkan hadits yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda, **maksudnya** : "Apakah tidak takut orang yang mengangkat kepalanya sebelum imam, Allah Subhanahu wa Ta'ala akan menukarkan kepalanya dengan kepala keldai?" (Hadits riwayat Muslim).

Bagaimana pula jika makmum terlambat mengikut imam sehingga imam mendahuluinya satu atau lebih daripada perbuatan-perbuatan sembahyang. Sebagai contoh imam sudah mula tunduk untuk melakukan sujud sedangkan makmum masih *ruku'*. Adakah perkara ini boleh merosakkan sembahyang makmum itu?

Penjelasan mengenai persoalan makmum terlambat mengikut imam ini adalah mengikut keadaan-keadaannya seperti berikut :

(1) Makmum yang lambat mengikut imam pada satu rukun *fi'li* sama ada rukun *fi'li* itu panjang ataupun pendek dengan sengahaja, **adalah ia membatalkan sembahyang** kerana ketinggalan yang sedikit.

Apa yang dimaksudkan dengan rukun *fi'li* yang panjang ialah berdiri (*qiyam*), *ruku'*, sujud dan duduk *tasyahhud akhir*. Sementara maksud rukun *fi'li* yang pendek ialah *i'tidal* dan duduk antara dua sujud.

Adapun yang dimaksudkan dengan 'keuzuran' itu ialah seperti makmum lambat mengikut imam disebabkan imam terlalu cepat atau makmum lambat membaca Surah Al Faatihah atau bacaannya

kurang lancar dan bukan kerana was-was membaca Surah Al Faatihah atau pun lambat kerana sibuk membaca doa *al-iftitah* dan *at-ta'awwudz* (**أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ**) sebelum Surah Al Faatihah. Sementara maksud 'bukan kerana keuzuran' ialah seperti makmum lambat mengikut imam disebabkan membaca surah selepas Al Faatihah atau tasbih *ruku'* dan sujud.

Contoh lambat pada satu rukun *fi'li* yang panjang :

Imam sudah mula bangkit melakukan *i'tidal* sedang makmum masih berdiri membaca surah. Ini bererti makmum terlambat mengikut imam pada *ruku'*.

Contoh lambat pada satu rukun *fi'li* yang pendek :

Imam sudah mula melakukan sujud kedua sedang makmum masih melakukan sujud pertama. Ini bererti makmum terlambat mengikut imam pada duduk antara dua sujud.

(2) Makmum yang lambat mengikut imam pada dua rukun *fi'li*, sama ada rukun *fi'li* yang panjang ataupun pendek dengan sengahaja, **adalah ia membatalkan sembahyang** kerana terlalu banyak ketinggalan.

Contoh lambat pada dua rukun *fi'li* yang panjang :

Imam sudah mula melakukan *i'tidal* pada rakaat kedua sedang makmum masih melakukan sujud kedua pada rakaat pertama. Ini bererti makmum terlambat mengikut imam pada berdiri dan *ruku'* rakaat kedua.

Contoh lambat pada satu rukun *fi'li* yang panjang dan satu lagi yang pendek :

Imam sudah mula melakukan sujud sedang makmum masih berdiri membaca surah. Ini bererti makmum terlambat

mengikut imam pada *ruku'* dan *i'tidal*.

(3) Makmum yang lambat mengikut imam pada dua rukun *fi'li*, sama ada rukun *fi'li* yang panjang ataupun pendek dengan sebab keuzuran, **tidaklah ia membatalkan sembahyang**.

Contoh-contohnya sama dengan perkara (2) di atas, akan tetapi dalam perkara (3) ini, makmum lambat mengikut imam kerana ada keuzuran seperti tidak lancar membaca Surah Al Faatihah.

Persoalan yang timbul juga daripada masalah ini, apabila makmum terlambat mengikut imam kerana membaca Surah Al Faatihah, adakah makmum perlu menghabiskan bacaan Surah Al Faatihah ataupun memuskan bacaannya dan terus mengikut perbuatan imam?

Untuk menjawab persoalan ini, perlu diketahui terlebih dahulu bahawa makmum itu terbahagi kepada dua :

(1) *Muafiq*, iaitu makmum yang sempat bersama imam masa yang cukup untuk membaca Surah Al Faatihah dengan kadar bacaan yang sederhana cepat.

(2) *Masbuq*, iaitu makmum yang tidak sempat bersama imam masa yang cukup untuk membaca Surah Al Faatihah dengan kadar bacaan yang sederhana cepat.

Makmum yang muafiq

Makmum yang *muafiq* jika dia masih berdiri membaca surah al-Fatihah kerana imam terlalu cepat atau makmum lambat membaca Surah Al Faatihah atau bacaannya kurang lancar, lalu imam mula melakukan *ruku'* atau sujud yang kedua, maka wajib makmum itu menyempurnakan bacaan Surah Al Faatihah. Kemudian setelah itu baha- rulah dia melakukan *ruku'* dan seterusnya mengikut urutan perbuatan sembahyang.

Namun dalam hal ini, janganlah makmum terlambat mengikut imam sehingga tiga rukun *fi'li* yang panjang. Jika makmum terlambat juga sehingga tiga rukun *fi'li* yang panjang, maka hendaklah dia terus mengikut perbuatan sembahyang imam dan setelah imam selesai memberi salam hendaklah dia berdiri lagi bagi mengganti rakaat yang dia terlambat itu.

Contoh :

Imam sudah mula berdiri pada rakaat kedua sedang makmum masih berdiri pada rakaat pertama membaca surah Al Faatihah kerana bacaannya kurang lancar. Ini bererti makmum terlambat mengikut imam pada tiga rukun *fi'li* yang panjang iaitu *ruku'*, sujud pertama dan sujud kedua.

Maka dalam hal ini, tidaklah perlu lagi makmum melakukan rukun *fi'li* yang dia sudah ketinggalan itu bahkan hendaklah dia terus mengikut imam yang sedang berdiri pada rakaat kedua dan bangkit semula setelah imam selesai memberi salam bagi mengganti rakaat yang dia terlambat itu. Ini bererti makmum tidak menyempati rakaat pertama imam.

Makmum yang masbuq

(1) Makmum yang *masbuq*, jika dia sempat

melakukan *ruku'* dengan *thuma'ninah* bersama imam maka makmum tersebut dikira menyempati rakaat imam.

Contoh :

Imam mula melakukan *ruku'* sedang makmum baru hendak mula sembahyang. Dalam keadaan ini hendaklah makmum mengangkat *takbiratulihram* tanpa perlu membaca Surah Al Faatihah dan terus sahaja dia mengangkat *takbir* lagi untuk melakukan *ruku'* dengan *thuma'ninah* bersama imam.

Thuma'ninah bermaksud tetap anggotanya ketika melakukan suatu rukun *fi'li* di dalam sembahyang sekurang-kurangnya dengan kadar bacaan zikir : " **سُبْحَانَ اللّٰهِ** " sebelum beralih ke rukun *fi'li* seterusnya.

(2) Makmum yang *masbuq*, jika dia tidak sempat *ruku'* dengan *thuma'ninah* bersama imam maka tidaklah dia dikira menyempati rakaat imam. Oleh itu, hendaklah makmum tersebut bangkit semula setelah imam selesai memberi salam bagi mengganti rakaat yang tidak dikira itu.

Contoh (i) :

Imam mula melakukan sujud pertama sedang makmum baru hendak mula sembahyang. Dalam keadaan ini hendaklah makmum mengangkat *takbiratulihram* dan terus sahaja dia mengangkat *takbir* lagi untuk melakukan sujud bersama imam. Kemudian bangkit semula setelah imam selesai memberi salam bagi mengganti rakaat yang tidak dikira itu.

Contoh (ii) :

Makmum baru hendak melakukan *ruku'* sedang imam mula bangkit melakukan *i'tidal*. Dalam keadaan ini hendaklah makmum terus mengikut imam melakukan *i'tidal* tanpa melakukan *ruku'*. Kemudian bangkit semu-

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn Fatwa@brunet.bn

BILANGAN 355

la setelah imam selesai memberi salam bagi mengganti rakaat yang tidak dikira itu.

(3) Sunat bagi makmum yang *masbuq* tidak membaca perkara-perkara yang sunat selepas *takbiratulihram* iaitu doa *aliftitah* atau *at-ta'awwudz*, bahkan dia terus sahaja membaca Surah Al Faatihah selepas *takbiratulihram* melainkan jika dia menyangka dapat menyempati imam apabila dia membaca perkara sunat itu.

Jika makmum yang *masbuq* sedang membaca Surah Al Faatihah lalu imam melakukan *ruku'* maka dalam hal ini dilihat pada dua keadaan :

(i) Makmum *masbuq* yang tidak membaca doa *al-iftitah* atau *at-ta'awwudz* selepas *takbiratulihram* :

Jika imam melakukan *ruku'* ketika makmum sedang membaca Surah Al Faatihah, hendaklah dia memutuskan bacaan Surah Al Faatihah dan terus sahaja mengikut imam melakukan *ruku'*. Ini bererti makmum tersebut dikira menyempati rakaat imam walaupun tidak membaca keseluruhan Surah Al Faatihah.

Adapun jika makmum tersebut meneruskan juga bacaan Surah Al Faatihah sehingga imam mula bangkit melakukan *i'tidal* maka tidaklah dia dikira menyempati rakaat imam. Malah jika dia meneruskan bacaan Surah Al Faatihah sedang imam mula melakukan sujud maka batallah sembahyang makmum itu kerana terlambat mengikut imam pada dua rukun *fi'li* dengan tiada keuzuran.

(ii) Makmum *masbuq* yang membaca doa *al-iftitah* atau *at-ta'awwudz* sebelum membaca Surah Al Faatihah :

Jika imam melakukan *ruku'*, hendaklah makmum tersebut membaca Surah Al Faatihah sedadar banyak huruf doa *al-iftitah* atau *at-ta'awwudz* yang telah dibaca-

nya sebelum Surah Al Faatihah. Kemudian setelah dia membaca kadar Surah Al Faatihah yang wajib itu baharulah dia melakukan *ruku'* bersama imam.

Ini bererti makmum tersebut dikira menyempati rakaat imam asalkan dia sempat melakukan *ruku'* dengan *thuma'ninah* bersama imam. Namun jika dia tidak sempat melakukan *ruku'* dengan *thuma'ninah* bersama imam maka tidaklah dikira dia menyempati rakaat imam dan hendaklah dia bangkit semula setelah imam selesai memberi salam bagi mengganti rakaat yang tidak dikira itu.

Contoh :

Imam mula melakukan *ruku'* sedang makmum yang *masbuq* membaca *at-ta'awwudz*. Dalam keadaan ini, hendaklah makmum tersebut membaca surah al-Fatihah sedadar banyak huruf *at-ta'awwudz*. Kemudian setelah itu baharulah dia melakukan *ruku'* bersama imam. Jika makmum tersebut tidak membaca kadar Surah Al Faatihah yang wajib itu dan dia terus mengikut imam melakukan *ruku'* maka batallah sembahyangnya.

Sebagai kesimpulan, ternyata dalam bab sembahyang ini banyak ilmu-ilmu yang perlu kita ketahui, contohnya dalam masalah yang baru kita bincangkan ini iaitu makmum yang terlambat mengikut perbuatan sembahyang imam. Oleh sebab itu, mempelajari perkara-perkara yang terdapat dalam ibadat sembahyang amat penting untuk diambil perhatian. Ini kerana, jika tidak diambil perhatian adakalanya boleh menyebabkan rakaat makmum itu tidak dikira dan lebih jauh dari itu boleh menyebabkan sembahyang menjadi batal.

WALLAHU'ALAM

JIKA imam melakukan ruku' ketika makmum sedang membaca Surah Al Faatihah, hendaklah dia memutuskan bacaan Surah Al Faatihah dan terus sahaja mengikut imam melakukan ruku'. Ini bererti makmum tersebut dikira menyempati rakaat imam walaupun tidak membaca keseluruhan Surah Al Faatihah. Adapun jika makmum tersebut meneruskan juga bacaan Surah Al Faatihah sehingga imam mula bangkit melakukan i'tidal maka tidaklah dia dikira menyempati rakaat imam. Malah jika dia meneruskan bacaan Surah Al Faatihah sedang imam mula melakukan sujud maka batallah sembahyang makmum itu kerana terlambat mengikut imam pada dua rukun fi'li dengan tiada keuzuran.

SIFAT ikhlas adalah 'pokok' segala kebahagiaan. Sesuatu kerja yang tidak lahir dari hati yang ikhlas, tidak akan menghasilkan suatu keuntungan, malah boleh mendatangkan kerugian, dalam erti kata yang lain amal tanpa disertakan dengan keikhlasan hati, tidak menghasilkan pahala di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Orang yang tidak mempunyai keikhlasan hati umpama berdiri di tempat gelap, tidak mempunyai lampu cahaya untuk meneranginya, tidak mempunyai sayap

untuk terbang tinggi. Allah memerintahkan kita supaya beramal dan beribadat dengan keikhlasan hati, segala pengabdian diri terhadap Allah Subhanahu Wata'ala hendaklah dilakukan dengan seikhlas-ikhlasnya dengan kebenaran, keadilan, kebijaksanaan dan kesabaran.

Niat yang ikhlas kerana Allah akan mengangkat manusia kepada kemuncak ketinggian dan kemuliaan insan. Ikhlas juga akan menghasilkan kemenangan dan kejayaan serta membawa kedamaian dan kesejahteraan, di samping terhindar dari sifat riyak.

Syeikh Al-Khusairi seorang pengasas *tasawuf* menerangkan bahawa ikhlas itu mengerjakan ibadah kerana ingin mendekati diri kepada Allah, bukan hanya kerana mencari kesenangan orang atau sesuatu hal lain. Sifat keikhlasan hati yang menjadi pedoman kepada seseorang dalam pekerjaan atau perkhidmatan adalah alat yang menyampaikan cita-cita mulia. Orang yang bekerja dengan penuh keikhlasan hati, tentu tidak mudah putus asa atau putus harapan. Dia tidak akan puas hati sebelum pekerjaan yang dilaksanakannya itu berhasil sepenuhnya.

Mereka yang ikhlas dalam bekerja akan teguh pendirian serta kuat kemahuaannya, dia tidak akan tersinggung kerana celaan dan kritikan orang lain.

SETIAP perbuatan yang dilakukan oleh seorang Muslim akan dianggap sebagai ibadah jika ia mematuhi garis panduan yang dikehendaki oleh syarak. Definisi bagi kerja bermaksud kesungguhan yang dilaksanakan oleh manusia bagi mendapatkan upah atau ganjaran. Ibadah pula bermaksud kepatuhan dan ketaatan kita kepada ketinggian dan kekuasaan Allah yang diiringi kesanggupan menyerah diri kepada-Nya.



Dia tidak sombong kerana menerima pujian, tidak bangga kerana dinaikkan pangkat atau mendapat harta yang banyak dan kedudukan baik. Malah, orang yang bekerja dengan ikhlas, tetap terus berusaha hingga tercapai yang dicita-citakan. Dia tidak akan menghentikan kerja itu walaupun akan menghadapi rintangan, halangan dan menempuh pengorbanan besar. Ini adalah kerana mereka mengharap keredaan Allah yang tidak ada batasannya.

Dalam hubungan ini *Hujjatul Islam* Imam Ghazali ada berkata; "Manusia semuanya mati, kecuali yang masih hidup ialah orang yang berilmu. Tetapi umumnya orang yang berilmu itu sedang nyenyak tertidur kecuali yang jaga ialah orang yang berilmu dan

Keikhlasan kunci tingkat mutu amal ibadah

beramal. Tetapi orang yang beramal itu pula sering tergoda atau terpedaya kecuali yang tidak terpedaya hanya orang yang ikhlas. Tetapi, ingatlah bahawa ikhlas itu berada dalam keadaan yang amat sulit, ibarat 'telur di hujung tanduk.'

Demikian caranya Imam Ghazali memberikan gambaran terhadap sifat ikhlas tersebut. Oleh itu kita harus yakin bahawa suatu amal yang dikerjakan dengan ikhlas, kesannya tetap abadi. Jelasnya, sifat ikhlas dalam beribadah amat penting dan senjata yang tidak luntur bagi menghadapi gangguan syaitan.

Sebagai hamba Allah, amat penting untuk kita menyedari dan memastikan segala pekerjaan yang kita lakukan tidak lain dan tidak bukan, hanya semata-mata ikhlas kerana Allah. Tidak terlintas di dalam hati untuk mengharap pujian, pangkat dan harta tetapi apabila dikurniakan Allah semua itu, lantaran ikhlas dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan, anggaplah ia merupakan suatu kurniaan Allah yang menghargai hamba-Nya yang ikhlas sepanjang perjalanan hidupnya dalam menjunjung apa yang diperintahkan-Nya dan meninggalkan apa yang dilarang-Nya.

KERJA SEBAGAI IBADAH

Setiap perbuatan yang dilakukan oleh seorang Muslim akan dianggap sebagai ibadah jika ia mematuhi garis

panduan yang dikehendaki oleh syarak. Definisi bagi kerja bermaksud kesungguhan yang dilaksanakan oleh manusia bagi mendapatkan upah atau ganjaran. Ibadah pula bermaksud kepatuhan dan ketaatan kita kepada ketinggian dan kekuasaan Allah yang diiringi kesanggupan menyerah diri kepada-Nya. Sementara itu kerja sebagai ibadah bermaksud tugas atau tanggungjawab untuk meraih pendapatan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Tujuan kita bekerja di samping merupakan tuntutan dalam Islam, ianya adalah untuk mendapatkan rezeki kurniaan Allah dan sebagai mekanisme untuk memakmurkan muka bumi ini. Firman Allah dalam Surah Al-Jumu'ah ayat 10 yang bermaksud :

"Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing) dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan) supaya kamu berjaya (di dunia dan di Akhirat)."

Ciri-ciri kerja yang dianggap sebagai ibadah itu hendaklah bertekankan iman dan takwa seperti niatnya semata-mata kerana Allah, tidak meninggalkan kewajipan terhadap Allah dan mengharap ganjaran di dunia dan Akhirat. Pekerjaan yang berasaskan prinsip syariah seperti amanah, adil dan bertanggungjawab akan menghasilkan kerja yang berkualiti dan apabila perkara ini tercerna ia akan merangsang seseorang itu untuk bekerja lebih kuat, proaktif, berdisiplin, berprestasi tinggi dan boleh dipercayai, di samping ia akan selalu berwaspada untuk mengelakkan diri dari sebarang kemungkaran termasuk perkara yang tidak bermoral.

Tuntutan penting dalam menjadikan kerja itu sebagai ibadah ialah niat ikhlas kerana Allah, ini akan mengangkat seseorang itu kepada kemuncak ketinggian dan kemuliaan insan.

CIRI-CIRI kerja yang dianggap sebagai ibadah itu hendaklah berteraskan iman dan taqwa seperti niatnya semata-mata kerana Allah, tidak meninggalkan kewajipan terhadap Allah dan mengharap ganjaran di dunia dan Akhirat. Pekerjaan yang berasaskan prinsip syariah seperti amanah, adil dan bertanggungjawab akan menghasilkan kerja yang berkualiti dan apabila perkara ini tercerna ia akan merangsang seseorang itu untuk bekerja lebih kuat, proaktif, berdisiplin, berprestasi tinggi dan boleh dipercayai. Di samping ia akan selalu berwaspada untuk mengelakkan diri dari sebarang kemungkaran termasuk perkara yang tidak bermoral.

Empat saudara baru Filipina peluk Islam

Oleh : Abdullah Asgar
Foto :

Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN. - Syiar Islam terus menerangi saudara-saudara baru untuk melafazkan dua kalimah syahadat kerana memilih agama Islam sebagai agama pegangan mereka yang suci.

Sehubungan dengan itu, malam ini empat orang berasal dari Republik Filipina telah melafazkan dua kalimah syahadat untuk memeluk agama Islam yang berlangsung di rumah kediaman Awang Haji Abu Bakar bin Abd. Hai di Kampung Burong Pinggai Berakas, di sini, baru-baru ini.

Empat saudara baru yang memeluk agama Islam itu ialah Jolly R. Morales yang kini dikenali dengan nama Islamnya Awang Muham-

mad Alli bin Abdullah, 36 tahun dan Allen Vincent Obedoza Gavino yang memilih nama Islamnya Muhammad Allen Hanafi bin Abdullah Gavino, 27. Kedua-dua mereka bekerja di dua buah syarikat yang berbeza di kawasan Brunei dan Muara.



EMPAT warga Filipina selamat memeluk agama Islam dengan memilih nama Islam mereka masing-masing di hadapan para pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah.

Sementara dua lagi saudara baru yang memeluk Islam ialah dua orang wanita Republik Filipina Mrs. Ebna Mabasa Madriaga yang kini dikenali dengan nama Islamnya Dayang Nurul Azimah binti Abdullah Mabasa, 46, berasal dari Pangasinan dan Miss Margie Pena Morales yang memilih nama Islamnya Dayang Siti Mariam binti Abdullah Pena, 24, berasal dari Tarlac City. Kedua-dua mereka merupakan suri rumah tangga.

Keempat-empat saudara baru tersebut telah melafazkan ikrar pengislaman mereka di hadapan para pegawai dari Unit Pengislaman Pusat Da'wah



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin antara yang hadir menyaksikan Majlis Pengislaman empat warga Filipina berlangsung di Kampung Burong Pinggai Berakas.

Islamiah yang mengendalikannya Majlis Pengislaman tersebut.

Mereka telah berada di negara ini sejak beberapa tahun lalu dan tertarik pada agama Islam kerana ianya agama yang suci dunia dan Akhirat.

Antara yang hadir menyaksikan majlis itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan beberapa orang pegawai kanan dari

Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pada majlis itu Yang Berhormat juga menaburkan bunga rampai kepada mereka yang diraikan, di samping disebarkan dengan Dikir Marhaban.



**KEMENTERIAN
KESIHATAN**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Hari Rabu 21 April 2010**. Sila layari website Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan di alamatkan kepada :-
**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,
Kementerian Kesihatan,
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan BB 3910
Negara Brunei Darussalam.**
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, Hari Selasa pada 18 Mei 2010**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Yuran Tawaran (*Tender Fee*) bagi tiap-tiap

tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran
ISNIN – KHAMIS
8.00 pagi – 11.00 pagil
2.00 petang – 3.00 petang**

**SABTU
8.00 pagi – 10.00 pagi**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
6. Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-
Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang Masih Sahlaku dan Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan, atau Kementerian Pembangunan, manakala bagi Pemborong / Pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (*Drug and Medicine*) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah '*Poison Act*' (Cap. 114)
7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN KECIL (SE)

BIL TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN	TARIKH TUTUP Tidak lewat jam 2.00 Petang
KK/TK/01/2010 (SSB) (SE)	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF ENDOSCOPY SYSTEM FOR MEDICAL DEPARTMENT, SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT	\$30.00	18/5/2010
KK/TK/02/2010 (SSB) (SE)	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF RETINAL DIGITAL CAMERA FLOURESCIN ANGIOGRAPHY FOR OPHTHALMOLOGY DEPARTMENT, SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT	\$30.00	18/5/2010
KK/TK/03/2010 (SSB) (SE)	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF DIODE LASER FOR OPHTHALMOLOGY DEPARTMENT, SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT	\$30.00	18/5/2010
KK/TK/04/2010 (SSB) (SE)	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF PHOTOTHERAPY MACHINE FOR DERMATOLOGY DEPARTMENT, SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT	\$10.00	18/5/2010
KK/TK/05/2010 (SSB) (SE)	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF VENTILATOR FOR INTENSIVE CARE UNIT (ICU), SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT	\$10.00	18/5/2010
KK/TK/06/2010 (SSB) (SE)	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING EIGHT (8) UNITS OF PORTABLE DENTAL CHAIR C/W PORTABLE STOOLS AND LIGHT FOR DEPARTMENT OF DENTAL SERVICES	\$10.00	18/5/2010
KK/TK/07/2010 (SSB) (SE)	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING TWENTY (20) UNITS OF PORTABLE SCALER C/W FIVE (5) PIECES SCALER INSERTS FOR DEPARTMENT OF DENTAL SERVICES	\$10.00	18/5/2010

**WEBSITE KEMENTERIAN KESIHATAN PADA 21/4/2010
TAWARAN KECIL (SE)**

BIL TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN	TARIKH TUTUP Tidak lewat jam 2.00 Petang
KK/TK/08/2010 (SSB) (SE)	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF HIGH CAPACITY REFRIGERATED FLOOR STANDING CENTRIFUGE FOR DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES	\$10.00	18/5/2010
KK/TK/09/2010 (SSB) (SE)	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT AUTOMATED CELL PROCESSOR FOR DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES	\$30.00	18/5/2010
KK/TK/10/2010 (SSB) (SE)	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF ONE (1) UNIT OF AUTOMATED SLIDE STAINER FOR DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES	\$10.00	18/5/2010
KK/TK/11/2010 (TUT) (SE)	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF 18/5/2010 SIX (6) UNITS OF PHARMACEUTICAL REFRIGERATOR/FREEZER FOR HOSPITAL PMMPMHAB, TUTONG	\$10.00	18/5/2010



**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. TAWARAN adalah dipelawa untuk **MEMBEKAL, MEMOTONG DAN MENJAHIT KAIN UNTUK PAKAIAN SERAGAM BAGI PERKHIDMATAN BOMBA LAPANGAN TERBANG** Jabatan Penerbangan Awam.
2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis dengan :-
MEMBEKAL, MEMOTONG DAN MENJAHIT KAIN UNTUK PAKAIAN SERAGAM BAGI PERKHIDMATAN BOMBA LAPANGAN TERBANG” Jabatan Penerbangan Awam.
**Bilangan Tawaran : DCA/AFS/1/2010
Tarikh Tutup : 19 Mei 2010**
Kepada :
**Pengerusi Jawatankuasa Sebutarga,
Jabatan Penerbangan Awam
d/s. Bangunan Terminal, Tingkat 2
Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
Jabatan Penerbangan Awam**

**Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebutarga **tidak lewat jam 2.00 petang, hari Rabu, 19 Mei 2010**. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja dengan bayaran sebanyak **\$5.00** (tidak dikembalikan).
5. Penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Ketua pegawai Bomba Lapangan Terbang, Jabatan Penerbangan Awam, Negara Brunei Darussalam:
**Tel : 2330142 sambungan 1632 / 1633
Fax: 2334776**
6. Penender hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran yang menyeraikan butir-butir syarikat berkenaan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas IV dan V sahaja.

- TAJUK TAWARAN :
RENOVATION TO GROUND &
FIRST FLOOR OF IT SERVICE CENTRE –
MINISTRY OF HOME AFFAIRS
BILANGAN TAWARAN:
KHEDN/EG/1/IT SERVICE CENTRE/2009**
- A. Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan tawaran boleh dilihat dan didapati di Bahagian Teknologi Maklumat, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan James Pearce, Negara Brunei Darussalam.
 - B. Tawaran Buka : **Hari Rabu, 5 Mei 2010.**
 - C. Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran : **Hari Selasa, 1 Jun 2010.**
 - D. Tarikh Tutup Tawaran (menghantar tawaran) : **Hari Selasa, 8 Jun 2010, sebelum jam 2.00 petang.**
 - E. Tempat Menghantar Tawaran :
**Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri, Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan BS8610,
Negara Brunei Darussalam.**
 - F. Yuran Tawaran : **\$500.00** (Tidak dikembalikan)
 - G. Yuran E-Dokumen : **\$5.00** (Tidak dikembalikan)
 - H. Waktu pembayaran yuran tawaran dan E-Dokumen

**Isnin-Khamis:
8.00 pagi – 11.00 pagi
2.00 petang – 3.00 petang
Sabtu:
8.00 pagi – 10.30 pagi**

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
2. Tawaran-Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan, tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dida-

lam sampul surat yang bertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek, rujukan projek, tarikh tutup serta alamat tempat menghantar pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, tanpa menunjukkan identiti penawar.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Teknologi Maklumat, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

5. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki untuk membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan.

6. Setiap Borang Tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17, Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal, dan Resit Bayaran Dokumen.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

9. Tawaran akan dikira sah laku dalam tempoh 180 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.

10. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39)/1997).

11. Wakil Syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh Syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari Syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan Kementerian sebelum dokumen tawaran diserahkan.

12. Permohonan yang dipertimbangkan untuk ikut serta didalam tawaran ini adalah bagi pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori kerja yang telah ditetapkan, mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam melaksanakan projek-projek pembinaan infrastruktur dan bangunan sekurang-ku-

ada jaminan dari pihak kerajaan.

Pengunjung hendaklah membawa kad pengenalan bersama semasa melong dijalankan.

Pembeli yang berjaya dikehendaki untuk membayar secara tunai hari jualan lelong diadakan dan seterusnya memindahkan barang-barang yang dibeli pada hari tersebut juga, kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan pembayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan.

Keterangan Barang-Barang Perkakas Pejabat Yang Akan Dilelong :

1. Mesin pencetak jenis MINOLTA CS - 522089 - A12/T28NO4/155/97.
2. Mesin pencetak jenis CANON - F/20/G1/177/91
3. Peti besi HASE/SAFE - F20/06/016/93

Jumlah Mesin pencetak - 2 buah
Jumlah Peti Besi - 1 buah



**JABATAN SIASATAN
DAN KAWALAN LALULINTAS
PASUKAN POLIS DIRAJA
BRUNEI**

**JUALAN LELONG ALAT-ALAT
PERKAKAS PEJABAT**

Jabatan Siasatan Dan Kawalan Lalulintas mengadakan jualan lelong peralatan pejabat :

Pada : **3 Jun 2010**
Jam : **9.30 - 11.00 pagi**

Tempat Lelong : **Dewan Serbaguna Jabatan Siasatan Dan Kawalan Lalulintas, Gadong.**

Syarat-Syarat Semasa Lelong :

PERALATAN / PERKAKAS yang dijual adalah dalam keadaan seadanya (*as it is basis*) dan tiada



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TAWARAN PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN

BILANGAN TAWARAN : MOE/LTK/29/2010/2011 (DA(UPPK)-MEI-2010);

KETERANGAN : TAWARAN PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH DAN PADANG BAGI SEKOLAH MENENGAH SAYYIDINA HASSAN, JALAN BAN 5, KILANAS, DAERAH BRUNEI MUARA, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN UNTUK TAHUN KEWANGAN 2010/2011, 2011/2012 2012/2013 DAN 2013/2014 (ANGGARAN KELUASAN 10 EKAR);

BAYARAN YURAN / DOKUMEN : \$10.00 (Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan);

TAWARAN TARIKH TUTUP DAN WAKTU : 18/05/2010 (Tidak lewat jam 2.00 petang)

BILANGAN TAWARAN : MOE/LTK/30/2010/2011 (DA(UPPK)-MEI-2010);

KETERANGAN : TAWARAN PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI A. SEKOLAH RENDAH KIARONG, JALAN BERIBI, B. SEKOLAH RENDAH MATA-MATA, GADONGDAERAH BRUNEI MUARA, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN UNTUK TAHUN KEWANGAN 2010/2011, 2011/2012 2012/2013 DAN 2013/2014 (ANGGARAN KELUASAN 12.5 EKAR);

BAYARAN YURAN / DOKUMEN : \$10.00 (Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan);

TAWARAN TARIKH TUTUP DAN WAKTU : 18/05/2010 (Tidak lewat jam 2.00 petang)

BILANGAN TAWARAN : MOE/LTK/31/2010/2011 (DA(UPPK)-MEI-2010);

KETERANGAN : TAWARAN PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI A. SEKOLAH RENDAH JERUDONG, B. SEKOLAH RENDAH SENGKURONG, KM 18, JALAN TUTONG, DAERAH BRUNEI MUARA, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN UNTUK TAHUN KEWANGAN 2010/2011, 2011/2012, 2012/2013 DAN 2013/2014 (ANGGARAN KELUASAN 9.7 EKAR);

BAYARAN YURAN / DOKUMEN : \$10.00 (Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan);

TAWARAN TARIKH TUTUP DAN WAKTU : 18/05/2010 (Tidak lewat jam 2.00 petang)

BILANGAN TAWARAN : MOE/LTK/32/2010/2011 (DA(UPPK)-MEI-2010);

KETERANGAN : TAWARAN PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI A. SEKOLAH RENDAH TUNGKU, GADONG, B. PUSAT LATIHAN MEKANIK TUNGKU GADONG, DAERAH BRUNEI MUARA, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN UNTUK TAHUN KEWANGAN 2010/2011, 2011/2012, 2012/2013 DAN 2013/2014 (ANGGARAN KELUASAN 6.5 EKAR);

BAYARAN YURAN / DOKUMEN : \$10.00 (Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan);

TAWARAN TARIKH TUTUP DAN WAKTU : 18/05/2010 (Tidak lewat jam 2.00 petang)

BILANGAN TAWARAN : MOE/LTK/33/2010/2011 (DA(UPPK)-MEI-2010);

KETERANGAN : TAWARAN PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI A. SEKOLAH RENDAH PUTAT, B. SEKOLAH RENDAH LUMAPAS, DAERAH BRUNEI MUARA, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN UNTUK TAHUN KEWANGAN 2010/2011, 2011/2012, 2012/2013 DAN 2013/2014 (ANGGARAN KELUASAN 7.2 EKAR);

BAYARAN YURAN / DOKUMEN : \$10.00 (Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan);

TAWARAN TARIKH TUTUP DAN WAKTU : 18/05/2010 (Tidak lewat jam 2.00 petang)

BILANGAN TAWARAN : MOE/LTK/34/2010/2011 (DA(UPPK)-MEI-2010);

KETERANGAN : TAWARAN PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH DAN PADANG BAGI SEKOLAH RENDAH BEBULUH, JALAN LIMAU MANIS, DAERAH BRUNEI MUARA, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN UNTUK TAHUN KEWANGAN 2010/2011, 2011/2012, 2012/2013 DAN 2013/2014 (ANGGARAN KELUASAN 3 EKAR);

BAYARAN YURAN / DOKUMEN : \$10.00 (Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan);

TAWARAN TARIKH TUTUP DAN WAKTU : 18/05/2010 (Tidak lewat jam 2.00 petang)

BILANGAN TAWARAN : MOE/LTK/35/2010/2011 (DA(UPPK)-MEI-2010);

KETERANGAN : TAWARAN PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN BAGI IBU PEJABAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, DAERAH BRUNEI MUARA, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAMBAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN UNTUK TAHUN KEWANGAN 2010/2011, 2011/2012, 2012/2013 DAN 2013/2014 (ANGGARAN KELUASAN 5 EKAR)

